



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 44

RABU 4 NOVEMBER, 1987.

رابو 12 ربيع الأول 1408

PERCUMA

Bagi menggerakkan pembangunan negara di masa akan datang:

PENUNTUT PERLU UBAH SIKAP

KUALA BELAIT. — Bagi menggerakkan pembangunan negara di masa akan datang perlunya penuntut-penuntut mengubah sikap dan haluan supaya boleh mencapai kemajuan-kemajuan seperti yang diperlukan dalam mata-mata pelajaran sains dan matematik.

Ini ialah kerana kepentingan sains dan matematik yang kian bertambah di dalam kebanyakan bidang pengajian teknikal dan bukan teknikal yang sangat-sangat diperlukan oleh negara.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman, Menteri Pelajaran

menarik perhatian demikian ketika berucap merasmikan peningkatan taraf Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkih menjadi Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkih pada 29 Oktober yang lalu di dewan utama maktab tersebut.

"Boleh dikatakan mata-mata pelajaran ini akan menentukan keupayaan kita untuk memenuhi cabaran-cabaran pembangunan yang akan kita hadapi di masa-masa yang akan datang," tegas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, perkembangan murid-murid di dalam mata-mata pelajaran tersebut di masa kini lebih-lebih lagi matematik adalah tidak menggalakkan dan membimbangkan.

"Pihak Kementerian Pelajaran mengambil perhatian yang amat berat terhadap kedudukan serupa ini dan sedang giat berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk mengatasi perkara ini," jelas Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Ke arah tujuan itu Yang Berhormat berpendapat bahawa asas pendidikan di dalam mata-mata pelajaran tersebut perlu diperkuatkan di sekolah-sekolah rendah supaya dengan itu murid-murid akan dapat menguasai keperluan asas dan dapat menyukai mata-mata pelajaran berkenaan.

Di samping Kementerian Pelajaran, tegas Yang Berhormat, ibu bapa dan guru-guru juga mempunyai tanggungjawab dan peranan yang pen-

Oleh: Dk. Saidah PO

ting dalam melaksanakan usaha tersebut.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran juga menyentuh mengenai pelajaran teknikal dan vokasional yang memainkan peranan penting dalam menghasilkan tenaga-tenaga tempatan yang mahir di bidang teknikal dan vokasional bagi menampung keperluan negara yang selama ini banyak bergantung kepada tenaga-tenaga dari luar negeri.

Yang Berhormat berkata, pelajaran teknikal dan vokasional adalah mendapat tempat yang penting dalam sistem pelajaran negara di mana ketika ini Kementerian Pelajaran sudah pun memulakan usaha-usaha ke arah penubuhan sekolah-sekolah vokasional.

"Pada pengamatan saya kursus-kursus teknikal dan vokasional yang perlu menerima perhatian sewajarnya ialah kursus-kursus 'community oriented' dalam erti kata kursus-kursus yang sangat diperlukan oleh pihak-pihak pengguna baik yang

Lihat muka 24

Lagi gambar-gambar disiarkan di muka 12 dan 13



Bersalaman dengan yang cacat anggota

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam yang juga selaku Penaung Persatuan Orang-orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-orang Cacat Anggota kelihatan berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah ahli-ahli persatuan berkenaan ketika berangkat merasmikan mesyuarat agung kali ke-2 persatuan itu di bangunan Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada Jumaat lepas. Majlis tersebut juga diserikan dengan pameran hasil kerja tangan ahli-ahli persatuan. (Lagi gambar-gambar lihat muka surat 3).

PETIKAN TITAH

Beta ingin mengingatkan semua rakyat dan penduduk di daerah ini terutama sekali pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan beta agar akan terus berusaha pada mencapai dan meneruskan kemajuan-kemajuan dalam beberapa lapangan perusahaan, kemasyarakatan dan perdagangan untuk kebaikan negara ini, khususnya daerah ini jua.

Dimahkan di Istiadat Mengadap dan Menyembahkan Menyukuran di Dewan Kemasyarakatan, Kuala Belait pada 23 Ogos, 1981 sempena hari keputeraan baginda ke-35 tahun.

Lebih 65 ribu sertai Maulud

PERARAKAN sempena menyambut hari kelahiran junjungan besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diadakan serentak di keempat-empat buah daerah pada hari ini 4 November bersamaan dengan 12 Rabiulawal tahun Hijrah 1408.

Di Daerah Brunei-Muara seramai lebih 47,000 umat Islam yang mewakili 144 buah

pasukan menyertai perarakan mengelilingi ibu kota yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

Tema sambutan Maulud pada tahun ini ialah Bersatu Ke Arah Keamanan dan Kemajuan.

Perarakan Maulud bagi Daerah Tutong akan mengelilingi Pekan Tutong yang mana bermula dan

berakhir di kawasan lapang Dewan Kemasyarakatan pada jam 7.45 pagi.

Seramai lebih 8,000 orang umat Muslimin dan Muslimat terdiri dari pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, swasta, penuntut serta orang-orang persendirian mewakili kira-kira 50 buah pasukan mengambil bahagian di perarakan tersebut.

Lihat muka 24

MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat, dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu memperingati-Nya." — Makna ayat 90 Surah An-Nahl.



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

4 NOVEMBER, 1987

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

MELAHIRKAN TENAGA MAHIR DI BIDANG TEKNIKAL

KEMENTERIAN Pelajaran telah pun melaksanakan usaha-usaha ke arah penubuhan sekolah-sekolah vokasional sejak beberapa tahun yang lalu. Baru-baru ini salah sebuah darinya telah pun dinaikkan tarafnya ke peringkat maktab kejuruteraan.

Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman ketika merasmikan kenaikan taraf Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, ke peringkat Maktab Kejuruteraan menegaskan bahawa pelajar teknikal dan vokasional mendapat tempat yang penting dalam Sistem Pelajaran Negara. Menurut Yang Berhormat itu, kursus-kursus bercorak "Community-Oriented" yang sangat diperlukan oleh pihak-pihak pengguna baik di pihak swasta atau kerajaan adalah diberikan perhatian yang wajar.

Sesungguhnya kita juga amat menyedari bahawa pengamatan Yang Berhormat itu merupakan suatu pendekatan yang munasabah. Jelasnya dalam usaha negara memperkembangkan dan meningkatkan taraf persekolahan dan pembelajaran masa kini, maka strategi mengenal pasti terhadap kursus-kursus atau mata pelajaran yang diajarkan di institusi-institusi pendidikan perlulah juga ada perimbangannya agar menepati akan kehendak-kehendak negara bagi mendapatkan tenaga-tenaga mahir dalam berbagai bidang. Ini kita yakini supaya pelaburan negara dalam bidang pelajaran itu akan dapat memberikan hasil pulangan yang menguntungkan sesuai dengan kehendak pembangunan negara.

Kita menyedari bahawa keperluan negara dalam mendapatkan tenaga-tenaga mahir atau separuh mahir dalam bidang berkenaan dari kalangan anak-anak tempatan adalah amat berkurangan. Kita mendapati bahawa kederasan perancangan berbagai projek pembangunan yang diunkayahkan kini telah tidak dapat dibangsi atau diimbangi pergerakannya dengan keperluan tenaga-tenaga mahir atau separuh mahir tempatan, kerana itulah negara kita selama ini banyak bergantung kepada tenaga-tenaga luar negeri. Perkembangan sedemikian ini adalah suatu gejala yang tidak sihat. Anak-anak tempatan, terutamanya golongan belia haruslah mengubah sikap dan tidak cuma berpuas hati dengan kelulusan akademik setakat peringkat menengah sahaja.

Sesungguhnya golongan belia yang berpendidikan menengah perlulah menyerapkan diri mereka untuk mendapatkan kelulusan yang bersesuaian di bidang teknikal dan kejuruteraan. Penyerapan ke arah ini kita yakin akan dapat membantu kebolehan mereka sebagai tenaga kerja yang mahir atau separuh mahir dan membekalkan pasaran buruh yang berkualiti.

Galakan dan peluang-peluang untuk mengikuti jurusan teknikal dan kejuruteraan adalah terbuka luas. Yang penting ialah kemahuan para belia itu sendiri untuk mengubah arah jurusan akademiknya di peringkat sekolah lagi supaya bersesuaian dengan kehendak pelajaran teknikal dan kejuruteraan itu sendiri, terutama mata pelajaran sains dan matematik.

Perubahan sikap para belia dan ibu bapa juga amat diperlukan dalam menjayakan matlamat pendidikan yang mengambil kira kepentingan kemahiran teknikal dan kejuruteraan ini. Perubahan sikap yang dimaksudkan ialah mengalihkan arah keinginan para belia atau ibu bapa yang semata-mata menginginkan pekerjaan-pekerjaan kolar putih setelah tamat persekolahan.

Semogalah dengan adanya perubahan sikap dan disertai dengan motivasi akan dapat menuju matlamat ke arah melahirkan pasaran buruh kolar biru yang berkualiti tinggi. Pencapaiannya akan membolehkan negara melahirkan golongan teknokrat tempatan yang berkemahiran sepenuhnya dalam melaksanakan pembangunan negara pada masa hadapan.

Bismillahir Rahmanir
Rahim Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh.

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat-kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala yang mana dengan izin-Nya jua saya dapat hadir bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan di majlis yang bersejarah ini iaitu bagi merasmikan nama Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait yang dinaikkan tarafnya kepada maktab kejuruteraan, peningkatan taraf ini iaitu pada menjunjung limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah bertepatan dengan kedudukan institusi ini ketika ini yang mana ia mempunyai tenaga-tenaga pengajar yang mempunyai kelayakan-kelayakan profesional yang tinggi dan seterusnya berkeupayaan mengendalikan kursus-kursus kejuruteraan Business and Technical Education Council (BTEC) di peringkat Diploma dan Certificate dan City and Guilds of London Institute di peringkat certificate.

Tertubuhnya Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait ini adalah merupakan satu lagi kemajuan positif di bidang pelajaran teknikal yang dapat kita banggakan, di samping Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dan Institut Teknologi Brunei, Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah setentunya akan dapat memainkan bersama peranannya di dalam memperkembangkan pelajaran teknikal selaras dengan kehendak-kehendak pembangunan negara, pelajaran teknikal dan vokasional memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan tenaga-tenaga tempatan yang mahir di bidang teknikal dan vokasional bagi menampung keperluan negara yang selama ini banyak bergantung kepada tenaga-tenaga dari luar negeri, oleh yang demikian pelajaran teknikal dan vokasional adalah mendapat tempat yang penting dalam sistem pelajaran negara. Kementerian Pelajaran ketika ini sudah pun memulakan usaha-usaha ke arah penubuhan sekolah-sekolah vokasional yang mana pada dasarnya telah pun diperkenankan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pada pengamatan saya kursus-kursus teknikal dan vokasional yang perlu menerima perhatian sewajarnya ialah kursus-kursus "Community-Oriented" dalam erti kata kursus-kursus yang sangat diperlukan oleh pihak-pihak pengguna baik yang terdiri dari sektor-sektor awam mahupun sektor-sektor swasta. Trend yang ada pada masa ini adalah sangat-sangat menggalakkan dalam mana agensi-agensi kerajaan dan separuh kerajaan serta pihak-pihak swasta bersedia beker-

Menghasilkan tenaga tempatan yang mahir di bidang teknikal

PELAJARAN TEKNIKAL, VOKASIONAL DIPERKEMBANG



UCAPAN Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Abd. Rahman, di Majlis Perasmian Peningkatan Taraf Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah menjadi Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah pada 29 Oktober, 1987 di Dewan Utama Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait.

jasama dengan pihak Kementerian Pelajaran dalam mengenalpasti akan keperluan-keperluan pengajian di bidang-bidang teknikal dan juga akademik. Pada misalnya baru-baru ini satu seminar telah diadakan oleh Kementerian Pelajaran mengenai pelan induk akademik bagi Institut Teknologi Brunei (ITB) dalam mana kehadiran dan penglibatan pihak-pihak awam dan swasta adalah sangat menggalakkan. Di dalam seminar tersebut pihak-pihak pengguna telah dapat menyampaikan keperluan-keperluan yang mereka ingin ITB mengambil kira di dalam perancangan pengajiannya dan pandangan-pandangan mereka terhadap kursus-kursus yang sudah berjalan, interaksi serupa ini adalah amat penting iaitu bagi memastikan yang kursus-kursus yang akan dijalankan adalah dari jenis-jenis kursus yang diperlukan dan kandungan kursus-kursus berkenaan adalah menepati kehendak-kehendak tertentu. Di Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah ini sendiri ternyata hubungan dengan agensi-agensi kerajaan dan separuh kerajaan setakat ini adalah menggalakkan. Pada misalnya kursus BTEC National Certificate di bidang Industrial Measurement and Control adalah hasil usahasama dengan pihak Syarikat Brunei Shell Petroleum Berhad dalam mana ianya diadakan khusus untuk melatih kakitangan syarikat itu, kursus BTEC Na-

tional Diploma di bidang Agriculture Engineering pula adalah dikendalikan dengan kerjasama Pusat Latihan Pertanian Sinaut. Sementara itu kursus Marine Engineering yang mana sijil kelulusannya dikeluarkan secara tempatan oleh Jabatan Laut adalah sebahagian besarnya untuk anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Saya penuh berharap hubungan dan kerjasama yang erat seperti ini di antara pihak-pihak pengguna lebih-lebih lagi sektor-sektor swasta dengan institusi-institusi pengajian, baik di bidang teknikal dan vokasional mahupun di bidang-bidang akademik akan dapat dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang. Hanya dengan adanya pertalian sedemikian maka keperluan-keperluan sektor-sektor awam dan swasta akan dapat dipenuhi oleh negara ini. Dengan cara ini tenaga-tenaga yang terlatih dan berkelulusan tidak akan menghadapi kesulitan mendapatkan pekerjaan-pekerjaan yang sesuai lebih-lebih lagi di sektor-sektor swasta.

Pada kesempatan ini saya juga menarik perhatian kita semua kepada kepentingan sains dan matematik yang kian bertambah di dalam kebanyakan bidang pengajian teknikal dan bukan teknikal yang sangat-sangat diperlukan oleh negara. Boleh dikatakan mata-mata pelajaran ini akan menentukan keupayaan kita untuk menempuhi cabaran-cabaran

pembangunan yang akan kita hadapi di waktu-waktu yang akan datang. Dengan bilangan penduduk yang begitu kecil dan keperluan pembangunan yang begitu mendesak maka membolehkan negara kita ini maju bergerak langkah memasuki abad yang akan datang, adalah sangat perlu bagi penuntut-penuntut kita terutamanya mengubah sikap dan haluan supaya boleh mencapai kemajuan-kemajuan seperti yang diperlukan dalam mata-mata pelajaran sains dan matematik ini. Kita mendapati di sekolah-sekolah pada umumnya perkembangan murid-murid di dalam mata-mata pelajaran tersebut, lebih-lebih lagi matematik, adalah tidak menggalakkan dan membimbangkan. Sebahagian besar murid-murid sekolah apabila memasuki tingkatan empat akan memilih mata-mata pelajaran selain dari sains dan matematik. Keputusan-keputusan peperiksaan di peringkat 'O' dan 'A' bagi mata-mata pelajaran ini adalah tidak memuaskan. Pihak Kementerian Pelajaran mengambil perhatian yang amat berat terhadap kedudukan serupa ini dan sedang giat berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk mengatasi perkara ini. Saya berpendapat asas pendidikan di dalam mata-mata pelajaran ini di sekolah-sekolah rendah amat perlu



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Khaltum Al-Islam ketika berangkat ke majlis tersebut.

Untuk keperluan orang-orang cacat PIHAK SWASTA DISERU SEDIAKAN KEMUDAHAN

KIULAP. — Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam selaku penaung Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Ang-

gota, menyeru pihak-pihak awam dan swasta supaya menyediakan kemudahan-kemudahan di bangunan-bangunan awam dan swasta untuk keperluan orang-orang

cacat. "Sebagai tanggungjawab bersama untuk memberikan layanan-layanan kepada orang-orang cacat di negara ini, saya juga ingin mengam-

bil kesempatan ini untuk menyeru pihak-pihak awam dan swasta supaya akan dapat mengikhtikarkan memberikan kemudahan-kemudahan di bangunan-bangunan awam dan swasta bagi keperluan orang-orang cacat," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia menyeru demikian ketika merasmikan Mesyuarat Agung kali ke-2 Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota yang berlangsung di kompleks sukan Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di sini pada 30 Oktober lepas.

Kemudahan-kemudahan yang dimaksudkan itu menurut Duli Yang Teramat Mulia iaitu seperti menyediakan tempat-tempat letak kereta khas, kemudahan turun-naik dan keluar masuk ke bangunan-bangunan awam dan swasta, tandas-tandas dan tempat riadah.

Di samping itu Duli Yang Teramat Mulia juga berharap, agar persatuan itu dapat berfungsi dengan efektif dalam mencapai matlamat-matlamatnya yang berkebaikan terutama dalam usahanya untuk memberikan

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam memerhatikan sebahagian daripada hasil pertukangan kayu ahli-ahli persatuan tersebut (atas). Sementara gambar bawah kelihatan Duli Yang Teramat Mulia menerima cenderamata yang disebarkan oleh Dayang Hajjah Zainab binti Sulaiman, salah seorang ahli persatuan itu.



Oleh Haniza Abdullah
Gambar oleh Pg. Abu Bakar

perhatian kepada kebajikan orang-orang cacat berkerusi roda dan orang-orang cacat anggota.

Sementara terdahulu dari itu ialah sembah ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Persatuan, iaitu Haji Matussin bin Haji Muhammad. Dalam ucapannya antara lain beliau menerangkan tujuan mengadakan mesyuarat pada petang itu di samping sejarah penubuhannya dan aktiviti-aktiviti tahunan persatuan itu.

Sebelum berangkat menyaksikan pameran hasil

kerjatangan ahli-ahli persatuan itu, Duli Yang Teramat Mulia juga telah disebarkan cenderamata kenang-kenangan hasil kerjatangan Dayang Hajjah Zainab Haji Sulaiman, dan kemudiannya beramah-mesra dengan ahli-ahli persatuan itu.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Khaltum Al-Islam.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam, meneliti dengan penuh minat salah satu hasil kerjatangan (atas).

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Pengiran Md. Yassin sedang menyebarkan penerangan kepada Duli Yang Teramat Mulia mengenai lukisan dan kerja tangan (bawah).



AWANG Haji Metussin bin Haji Muhammad, Pengerusi Persatuan ketika menyebarkan ucapan alu-aluan.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-405

SIAPA DIA AL-IMAM AL-MAHDI

AL-MUHADDITHU Ahmad As-Siddiq telah menaakalkan perkataan Ibnu Khaldun itu dan saya tiada berhajat menyalin perkataan Ibnu Khaldun dan ia telah menolak perkataan Ibnu Khaldun yang kucar-kacir berlawanan hujung pangkalnya sebagaimana katanya: Al-Kalaamu 'alaa haazihil jumalil mutanaa-qidhatil munaqidhati lima ba'dahaa min ujuuh, kemudian ia menolak satu persatu perkataan Ibnu Khaldun itu dengan cara ilmi atau mantik atau cara ilmu hadis mengambil 118 muka ukuran sedang.

Cara ilmi atau mantik itu munasabah kepada ahli pengetahuan Islam dan kepada Ahli Mu'tazilah yang berbangga dengan akal seperti puak-puak Islam yang tercengang dengan kebangkitan Eropah, sebagaimana kata Ash-Shaikh Al-Hiras dahulu dari ini telah saya sebutkan.

Adapun menyebutkan nama-nama kitab yang

menyebutkan perkara Al-Mahdi dan mengkaji latar-belakang Ibnu Khaldun itu munasabah bagi pengetahuan orang awam Islam bagi menolak perkara salah faham yang datang daripada Ibnu Khaldun dan pengikut-pengikutnya.

Al-Muhaddithu Ahmad As-Siddiq telah menzahirkan banyak perkara bodoh Ibnu Khaldun itu dan bohong serta khianatnya dalam perkara hadis yang dibahasnya dengan terang-terang ia menyebutkan lafaz bohong dan khianat dan seumpamanya yang ada pada Ibnu Khaldun itu kerana ia menyalahi umat Islam dan kitab-kitab umat Islam dan ilmu umat Islam.

Kemudian Ibnu Khaldun berkata inilah suatu jumlah kadar hadis yang dikeluarkan oleh ulama dalam perkara Al-Mahdi dan keluarnya pada akhir zaman dan inilah hadis-hadis ulama pada perkara Al-Mahdi dan kita bawa semuanya dan inilah akhir yang dapat kita baca perkataan

ulama Tasauf. Dengan ringkas.

Al-Muhaddithu As-Siddiq berkata: Ibnu Khaldun mengaku membawa semua hadis-hadis perkara Al-Mahdi itu adalah tiada betul padahal ia hanya membawa 28 hadis sahaja, padahal hadis-hadis perkara Al-Mahdi berganda-ganda banyaknya dan Al-Muhaddithu itu membawa hadis 72 hadis dari bilangan 29 sehingga 100 dalam perkara Al-Mahdi dari hadis Marfu' dan Mauquf. Adapun hadis Maqtu' banyak lagi boleh jadi sebuah kitab besar kalau dihipunkan pada menolak dakwaan Ibnu Khaldun bahawa ia telah mengikuti semua hadis-hadis Al-Mahdi.

Kemudian Ibnu Khaldun berkata: Bagaimana tuan lihat hadis-hadis itu tiada sunyi dari dibantah hanya sedikit atau sangat sedikit tiada dapat dibantah. Tamat katanya.

Berkata Al-Muhaddithu As-Siddiq: Tuan ketahui bahawa kita telah menolak

tuduhan Ibnu Khaldun itu dan teguran dan cacat-cacatnya yang batil tiada benar itu dan teguran-tegurannya itu hanya kena pada perkara yang sedikit atau sangat sedikit, sebaliknya apa yang dikatakannya dan didakwanya itu.

Jikalau kita terima dakwaannya itu bahawa hadis-hadis yang dibawanya itu hanya sedikit atau sangat sedikit selamat dari teguran, mengapa atau apa kesamarannya dia pada menolak dan tiada menerima hadis-hadis yang sedikit itu, apa uzurnya dia menolak hadis yang sangat sedikit itu, yang ia mengaku akan sahnya dan ia mengaku hadis-hadis itu selamat dari tegurannya, adakah ia berpendapat bahawa hadis-hadis itu tiada dapat dipakai isi kandungannya melainkan hadis-hadis itu telah masyhur atau mutawatir. Sebenarnya dia tiada berkata begitu dan tiada pun seseorang sebelumnya atau sesudahnya berkata begitu. Sebenarnya ia berdegil dan bersembunyi dari kebenaran

Bahagian

Kelima belas

dan sombong takbur dari menerima kebenaran yang tiada bersetuju dengan hawa nafsu dan bawaannya. Maka kerap-kali ia memakai afraad (Ahaad) yang tiada dikeluarkan melainkan oleh satu jalan (Makhraj) sahaja dan pada jalan itu ada cacat dan teguran orang, tetapi itu tiada mengapa kepada orang-orang Naasibiyyah, dan hadis-hadis mutawatir pada perkara Al-Mahdi itu tiada bersetuju dan secocok dengan usul mazhab-mazhab Naasibiyyah dan Khawarij

oleh yang demikian ia menegur, mencacat hadis-hadis mutawatir dengan apa jua jalan walaupun bukan pada tempatnya dan dia berpendapat bahawa hadis-hadis yang sah itu sekalipun tiada sampai pada tawatur menurut syaratnya (Ibnu



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

Khaldun) maka ia (Ibnu Khaldun) tiada memakai menolaknya, dalam perkara Al-Mahdi ini dan seumpamanya sekalipun hadis-hadis itu mutawatir menurut kaedah jumhur umat Islam. Inilah zahir perkataan Ibnu Khaldun itu bahkan tegas perbuatannya itu pada perkara itu, orang yang sombong itu tiada masuk Syurga. Ibnu Khaldun telah membawa perkataan ulama Tasauf pada perkara Al-Mahdi dan dia menuduh mereka dan dia pula tiada faham pada tuduhan-tuduhannya ke atas ulama Tasauf dan dia menolak hadis-hadis mutawatir pada Abdaal itu. Dengan ringkas.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)



AWANG Abd. Rahman bin Abdullah ketika melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Ustaz Awang Ismail bin Sulaiman, seorang Pegawai Agama di Pusat Dakwah Islamiah (atas).

Sementara gambar atas kanan kelihatan Dayang Juliana binti Abdullah ketika melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Dayang Normah binti Kassim, Pembantu Perkembangan Agama. — Gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

DUA ORANG LAGI MEMELUK UGAMA ISLAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — 2 majlis pengislaman telah dilangsungkan baru-baru ini. Pada 15 Oktober, 1987 bertempat di rumah Awang Gillen bin Hamid, Kampong Tanah Jambu telah berlangsung majlis pengislaman Awang Abd. Rahman bin Abdullah, seorang pemuda Iban berasal dari Miri, Sarawak. Beliau melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Ustaz Awang Ismail bin Sulaiman,

seorang Pegawai Agama di Pusat Dakwah Islamiah.

Dalam majlis yang sama, Dayang Ho Kui Lian juga telah melafazkan ikrar pengislamannya di hadapan Dayang Normah binti Kassim, Pembantu Perkembangan Agama. Dayang Ho Kui Lian juga berasal dari Miri, Sarawak dan sekarang dikenali sebagai Dayang Juliana binti Abdullah.



Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 4 November, hingga ke hari Selasa 10 November, 1987 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
November												
4	12.06	3.25	3.26	6.01	6.02	7.13	7.14	4.54	4.40	4.55	6.05	6.06
5	12.06	3.25	3.26	6.01	6.02	7.13	7.14	4.54	4.40	4.55	6.05	6.06
6	12.06	3.25	3.26	6.01	6.02	7.13	7.14	4.54	4.40	4.55	6.05	6.06
7	12.06	3.25	3.26	6.01	6.02	7.13	7.14	4.54	4.40	4.55	6.06	6.07
8	12.06	3.25	3.26	6.01	6.02	7.13	7.14	4.54	4.40	4.55	6.06	6.07
9	12.06	3.25	3.26	6.01	6.02	7.13	7.14	4.54	4.40	4.55	6.06	6.07
10	12.06	3.26	3.27	6.01	6.02	7.13	7.14	4.54	4.40	4.55	6.06	6.07

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Bagi menambah kepercayaan dan keyakinan kepada kudrat Allah

MEMIKIRKAN DIRI SENDIRI SUATU YANG DITUNTUT

BERTAKWALAH tuan-tuan ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Allah Subhanahu Wataala yang telah menciptakan diri kita daripada tiada kepada ada. Dan kita sebagai manusia adalah merupakan makhluk Allah yang diciptakan dengan sebaik-baik kejadian. Soalnya apakah kita pernah memikirkan diri kita sebagai sebaik-baik makhluk yang diciptakan Allah itu.

Sebenarnya soal memikirkan diri kejadian sendiri itu adalah suatu yang dituntut oleh Allah Subhanahu Wataala, sungguhpun tuntutan itu bukan merupakan tuntutan yang wajib akan tetapi ianya perlu diambil perhatian dan tidak dilupakan begitu sahaja, kerana dengan adanya kita memikirkan tentang diri dan kejadian kita itu adalah akan dapat menambahkan lagi pengertian dan kepercayaan serta keyakinan kita terhadap betapa besarnya sifat kudrat atau sifat kekuasaan Allah Subhanahu Wataala selain dari itu adalah dianggap bijaksana andainya kita dapat memikirkan diri kita maka mengambil faedah daripadanya dengan bersyukur atau berterima kasih kepada Allah yang telah mengurniakan kita dengan nikmat yang begitu besar iaitu menjadikan kita dengan seelok-elok kejadian. Kerana itu cubalah kita praktikkan gesaan atau suruhan dari Allah di dalam Surah Al-Zariat ayat 12 yang kira-kira tafsirnya:

"Dan di dalam diri kamu (adalah) merupakan ayat-ayat atau tanda-tanda kekuasaan (Allah) apakah kamu tidak melihat atau mengerti."

Selain dari memikirkan kejadian diri kita sendiri maka kita juga adalah didorong untuk memikirkan tentang kejadian-kejadian Allah yang lain yang ada di setiap keliling kita. Sungguhpun demikian apa yang kita hendak fikirkan itu mestilah di dalam lingkungan batas-batas perkara yang dapat dicapai iaitu perkara-perkara yang berkaitan dengan makhluk Allah Subhanahu Wataala bukan pada zat Allah kerana hal itu tidak mungkin dicapai oleh akal kita yang terhad sifatnya itu. Ini jelas sepertimana yang diperingatkan oleh Rasulullah di dalam sabda Baginda yang kira-kira bermaksud:

"Fikirkanlah pada tanda-tanda (kekuasaan) Allah dan janganlah kamu fikirkan tentang zat Allah." Riwayat At-Tabrani.

Sebenarnya bila kita dapat memikirkan atau merenungkan terhadap kejadian makhluk-makhluk Allah dan kepada setiap yang wujud di sekeliling kita dengan cara yang teratur dan betul mengikut pemikiran yang sihat dan waras. Maka sekurang-kurangnya kita dapat mencapai hasil-hasil yang baik bagi diri kita

sebagai makhluk yang dijadikan Allah dengan mengurniakan akal yang membezakan kita dengan makhluk-makhluk yang lain.

Di antara hasil-hasil yang baik itu ialah pertama dengan kita memikirkan keindahan alam yang akan membawa kita kepada suasana yang harmoni, tenang dan damai. Seterusnya akan dapat pula membawa kita memikirkan betapa indah dan lebih sempurna yang diciptakan alam dan keindahan itu. Yang dengan itu akan dapat melahirkan pula perasaan cinta dan rindu kepada penciptanya yang maha bijaksana Allah Subhanahu Wataala. Itulah kenikmatan rohani yang biasanya akan diperoleh oleh yang mahu memikirkan alam dan kejadian yang ada di dalamnya.

Kedua: Orang yang dapat memikirkan kejadian alam dengan segala rupa bentuk dan perjalanan yang teratur tidak pernah tergelanda akan dapat membawa kesimpulan adanya pencipta, pengatur yang begitu pandai dan bijaksana seterusnya hasil dari penemuan kebenaran itu

akan melahirkan pula perasaan puas dan bahagia. Sebagaimana seorang yang dapat menemui barang yang hilang yang telah dicarinya begitu lama.

Seorang yang tidak mahu atau tidak pernah memikirkan tentang alam dan kejadian serta segala isi di dalamnya adalah merupakan seorang yang tidak mempunyai penilaian dan penghargaan di dalam dirinya. Kerana dia tidak dapat menilai dan menghargai kejadian dirinya dan alam sekitarnya, kalaupun ada maka ianya lebih bersifat keseronokan diri dan kepuasan hawa nafsu semata-mata bukan yang dapat menembus rohani yang sifatnya akan merindui dan mencintai pencipta alam dan kejadian makhluk di dalamnya iaitu Allah Subhanahu Wataala, Tuhan yang telah menjadikan dirinya dalam alam di mana dia berada.


Lantaran itu untuk peringatan kita bersama cubalah renunglah riwayat ini bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam pernah menengis menitis airmata Baginda,

ketika ditanya mengapa Baginda menangis? Baginda menjawab: Pada malam tadi telah turun ayat (dari Surah Ali Imran ayat 190) kemudian Baginda bersabda celakalah bagi siapa yang membaca ayat tadi (kejadian langit dan bumi) dengan tidak memikirkannya.

Selain daripada kebaikan berfikir yang ada disebutkan tadi maka Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ada menerangkan lagi mengenai kelebihan orang yang berfikir sama ada ia memikirkan tentang Allah dan segala kejadian makhluknya atau ianya memikirkan tentang hari akhira yang bakal ditempuhnya. Di antara hadis nabi mengenai kelebihan berfikir itu ialah sebagaimana sabdanya: yang kira-kira bermaksud.

"Yang terlebih dekat di antara kamu kepadaku pada hari kiamat ialah orang yang banyak berlajar (berpuasa) dan banyak berfikir."

Kemudian mengikut Mikdad bin Al-Aswad bahawa Abu Hurairah telah menemuinya dan berkata Nabi



telah bersabda yang kira-kira bermaksud: "Berpikir satu saat itu lebih afdal daripada ibadat satu tahun kemudian dia menemui Ibnu Abbas Radhiallahuanhuma maka dia berkata bahawa dia mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda berfikir satu saat itu lebih afdal daripada ibadat tujuh puluh tahun. Kemudian dia masuk menemui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maka dikhabarkan apa yang telah didengarnya itu maka sabda Nabi, benar kata-kata mereka itu dan Nabi menyuruh mereka itu mengadap Baginda kemudian Nabi pun bertanya kepada Abi Hurairah Radhiallahuanhuma apakah yang telah difikirkannya. Maka sem-

bahnya aku memikirkan kejadian tujuh petala langit dan bumi. Maka sabda Nabi apa yang engkau fikirkan itu adalah afdal daripada ibadat satu tahun."

Demikianlah kelebihan-kelebihan dan keutamaan berfikir sama ada memikirkan kekuasaan Allah serta segala kejadian makhluknya. Oleh itu sebagai manusia yang dikurniakan Allah akal maka hendaklah kita gunakan akal itu pada memikirkan perkara yang mendatangkan faedah kepada diri kita terutama pada perkara yang boleh mendekatkan lagi diri kita kepada Allah. Mudah-mudahan dengan itu kita akan beroleh keuntungan bukan sahaja di dunia malah juga di akhirat nanti.

Memelihara, tunaikan waktu sembahyang dengan sempurna

Menuju Keredaan Allah

SAYIDINA Ali bin Abi Talib Karramallahu Wajhah pernah meriwayatkan suatu berita, katanya :

"Sekali peristiwa sedang Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berada di tengah-tengah suatu kumpulan kaum Muhajirin, tiba-tiba Baginda telah didatangi oleh beberapa orang Yahudi. Mereka bertanya kepada Baginda : Wahai Muhammad! Kami datang untuk bertanya beberapa perkara, di mana perkara ini tidak akan boleh dijawab melainkan jika ia seorang Nabi yang diutus kepada sesuatu umat ataupun jika ia seorang Malaikat."

"Tanyalah," jawab Baginda.

Maka orang-orang Yahudi itu pun berkata : "Beritahu kami tentang hikmat sembahyang yang diwajibkan oleh Allah Subhanahu Wataala ke atas umatmu dalam sehari semalam lima waktu?"

"Baiklah," jawab Baginda.

1. "Waktu Zuhur, Allah Subhanahu Wataala telah menjadikan di langit dunia tempat peredaran matahari. Sebaik-baik saja matahari tergelincir di dada langit, masuklah waktu Zuhur di mana sekalian Malaikat mula bertasbih kepada Allah

Subhanahu Wataala. Oleh kerana itulah Allah telah memerintahkan umatku bersembahyang pada waktu itu, di mana pintu-pintu langit sedang terbuka dan pintu-pintu tidak akan ditutup sehingga Zuhur didirikan, serta dikabulkan segala doa yang dipohonkan."

2. "Waktu Asar, ialah waktu Nabi Adam Alaihissalam diwas-waskan oleh Syaitan sehingga memakan buah yang terlarang di dalam Syurga, maka Allah Subhanahu Wataala telah

memerintahkan aku dan umatku supaya bersembahyang pada waktu itu."

3. "Waktu Maghrib ialah waktu Allah Subhanahu Wataala mengampunkan Nabi Adam Alaihissalam, ketika Baginda mempelajari beberapa kalimat (cara-cara memohon keampunan) dari Allah, lalu Allah mengampunkannya. Maka Allah Subhanahu Wataala telah memerintahkan umatku bersembahyang pada waktu itu, agar Dia (Allah) dapat mengampunkan segala dosa mereka pada ketika itu."

4. "Waktu Isyak ialah waktu para Nabi dan Rasul sebelumnya bersembahyang."

5. "Dan waktu Subuh pula ialah waktu terbit matahari di antara dua tanduk Syaitan, maka pada ketika itulah orang-orang kafir sibuk menyediakan diri untuk menyembah sesuatu selain dari Allah Subhanahu

Wataala. Tetapi Tuhanku telah memerintahkan aku dan umatku supaya bersembahyang dua rakaat sebelum orang-orang kafir itu memulakan penyembahannya terhadap sesuatu selain daripada Allah Subhanahu Wataala."

Mendengar penerangan Rasulullah itu kaum Yahudi itu mengangguk kepala membenarkan penjelasan Baginda itu, sambil berkata : "Benarlah kata-katamu itu wahai Muhammad! Kami sekali-kali mengaku bahawa engkau ini sebenarnya Nabi dan Rasul. Kami sekali-kali menyaksikan bahawasanya tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawasanya Muhammad itu adalah hamba-Nya dan Pesuruh-Nya." (Dipetik dari Kitab Al-Majalis As-Saniyah).

Dari apa yang diceritakan jelas kepada kita tentang hikmat atau fadilah sembahyang itu. Pendek kata,

kalau hendak dikumpulkan hikmat-hikmat sembahyang itu tentulah banyak lagi, sama ada yang dipetik dari Al-Quran, Hadis ataupun berita-berita dari para sahabat dan para salihin.

Jadinya memandangkan kepada kelebihan-kelebihan atau fadilah-fadilah sembahyang itu, maka kita patut menjaga waktu-waktu sembahyang dan memeliharanya dengan baik dan sempurna, iaitu dengan menunaikannya dengan segera, sebab sembahyang itu adalah amanat Allah Subhanahu Wataala ke atas diri kita. Barangsiapa yang menunaikan amanat tersebut dengan baik dan sempurna nescaya ia akan diberi balasan baik dan diletakkan pada darjat yang tinggi. Dan barangsiapa yang ingkar sudah tentu akan menerima kemurkaan Allah Subhanahu Wataala dan balasannya tentulah berat pula.

KUALA BELAIT. — Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan diingatkan supaya membersihkan diri dari rasuah dan penyalahgunaan kuasa serta hendaklah patuh kepada pegawai-pegawai atasan mereka dan menjalankan tugas dengan dedikasi, sempurna dan efisien.

Mereka juga digesa supaya sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan orang ramai, terutama sekali jabatan-jabatan yang tugas-tugasnya memberikan perkhidmatan kepada orang ramai.

"Sebaliknya pula, pegawai-pegawai atasan hendaklah sentiasa memberikan contoh teladan yang baik kepada pegawai-pegawai dan kakitangan mereka, sama ada dari segi sikap bekerja mahupun dari segi mematuhi peraturan-peraturan kerajaan."

Demikian ditegaskan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di majlis pembukaan rasmi Musabaqah Tilawatil Quran antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada 30 Oktober lepas di Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait.

Menyentuh tema musabaqah tersebut, "Bersatu Ke Arah Keselamatan dan Keamanan Berpandukan Al-Quran", Yang Berhormat seterusnya mengingatkan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, khususnya di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk sama-sama mengambil berat serta memelihara keselamatan dan keamanan negara kita.

Awang Haji Saat bin Haji Idris dari Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah menjuarai bahagian lelaki musabaqah tersebut. Manakala Dayang Norti binti Haji Abas dari Jabatan Daerah Temburong menjadi juara bahagian perempuan.

Seramai lapan orang peserta empat lelaki dan empat wanita telah terpilih ke peringkat akhir musabaqah ini yang mewakili jabatan-jabatan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang dikendalikan oleh Jabatan Daerah Belait.

Pemenang-pemenang tersebut akan mewakili kementerian berkenaan ke pertandingan membaca Al-Quran peringkat kementerian-kementerian yang akan diadakan sedikit masa lagi.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pegawai dan kakitangan Kerajaan diingatkan BERSIH DARI RASUAH DAN PENYALAHGUNAAN KUASA



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa menyampaikan hadiah kemenangan kepada johan qari Awang Haji Saat bin Haji Idris dari Jabatan Daerah Brunei dan Muara. — Gambar oleh Harun Rashid.

K'sama ekonomi antara negara ASEAN perlu

MANILA. — Memandangkan keadaan ekonomi dunia yang merosot maka telah tiba masanya bagi ketua-ketua kerajaan ASEAN berbincang cara-cara untuk meningkatkan kerjasama khususnya di bidang ekonomi bagi kemakmuran dan kestabilan rantau ini.

Tuan Yang Terutama Pengiran Mustapha bin Pengiran Metassan, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina berkata Brunei Darussalam sentiasa mengharapkan perkara sedemikian dan juga berharap tentang kejayaan yang akan dicapai dalam Sidang Kemuncak ASEAN yang diadakan di sini bulan Disember depan.

Tuan Yang Terutama Pengiran Mustapha berkata demikian dalam ucapannya ketika menyampaikan watakah perantaraan sebagai Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina kepada Puan Yang Terutama Presiden Corazon Aquino pada 27 Oktober

lepas bertempat di Istana Malacanang.

Dalam usaha untuk membangunkan Negara Brunei Darussalam, jelas Tuan Yang Terutama, kami memerlukan kerjasama yang erat di antara negara-negara jiran khususnya ASEAN.

Menyentuh mengenai dengan perhubungan Brunei Darussalam dan Republik Filipina, Tuan Yang Terutama berkata bahawa persahabatan antara kedua-dua buah negara adalah semakin bertambah erat dan kukuh.

Puan Yang Terutama Presiden Corazon Aquino dalam ucapan balasnya yang tidak dibacakan berkata bahawa sebagai anggota ASEAN, Republik Filipina akan sentiasa bekerjasama dengan anggota lain dalam mewujudkan keamanan dan kemakmuran di rantau ini.

Selepas upacara menyampaikan watakah, Puan Yang Terutama Presiden Corazon Aquino memperkenalkan dua orang pegawainya kepada

Tuan Yang Terutama Pengiran Mustapha yang terdiri dari Tuan Yang Terutama Tuan Raul Manglapus, Setiausaha Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Filipina dan Ambassador Miguel Perez Rubio, Ketua Protokol Malacanang.



TUAN Yang Terutama Pengiran Mustapha bin Pengiran Metassan, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina menyampaikan watakah perantaraan kepada Puan Yang Terutama Presiden Corazon Aquino di Istana Malacanang.

Pelajaran teknikal dan vokasional diperkembangkan

Dari muka 2

diperkuatkan supaya murid-murid sejak di peringkat rendah lagi dapat menguasai keperluan asas dan dengan itu akan dapat menyukai mata-mata pelajaran tersebut. Di samping usaha-usaha Kementerian Pelajaran untuk menyediakan suasana pembelajaran yang baik dan sumber-sumber pengajaran yang cukup serta mempertingkatkan kaedah-kaedah pengajaran yang berkesan, kaum ibu bapa dan guru-guru mempunyai peranannya masing-masing yang penting dalam usaha kita serupa ini. Guru-guru secara sedar amat perlu memberikan motivasi secara berterusan kepada murid-murid untuk mempelajari mata-mata pelajaran penting yang dianggap susah oleh kebanyakan murid-murid seperti sains, matematik dan bahasa Inggeris. Motivasi ini setentunya disertai dengan dedikasi guru-guru itu dalam mendekatkan murid-murid kepada mata-mata pelajaran tersebut. Kaum ibu bapa dan penjaga murid pula perlulah berwaspada terhadap kemajuan anak-anak mereka di sekolah lebih-lebih lagi di dalam mata-mata pelajaran yang saya sebutkan. Kaum ibu bapa dan penjaga murid amat perlu mengadakan perundingan dengan pihak-pihak sekolah dari semasa ke semasa mengenai perkembangan pelajaran anak-anak mereka. Perhubungan dan kerjasama yang erat di antara pihak sekolah dan ibu bapa serta penjaga murid adalah lebih kritikal di peringkat rendah kerana kesempurnaan pendidikan asas di peringkat awal adalah sangat-sangat diperlukan untuk kemajuan murid-murid di peringkat seterusnya.

Sebagai mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin menekankan sekali lagi khususnya kepada Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkih mengenai dengan pentingnya pihak maktab memelihara dan mempertingkatkan hubungan kerjasama yang baik dengan pihak-pihak pengguna di sektor-sektor awam dan swasta dan juga pihak ibu bapa dan penjaga

penuntut. Hubungan baik yang telah dapat diwujudkan oleh pihak maktab ini dengan pihak-pihak seperti Syarikat Brunei Shell Petroleum Berhad, Pusat Latihan Pertanian Sinaut, Jabatan Laut Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei adalah penting bagi mengenalpasti akan keperluan-keperluan sektor-sektor berkenaan untuk dipenuhi oleh maktab ini melalui program-program latihan yang dijalankan. Seterusnya usaha yang cukup dan rapi patutlah dibuat iaitu bagi maktab ini mewujudkan hubungan dan kerjasama yang erat dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan sektor-sektor swasta yang boleh mendapat manfaat dari kursus-kursus yang dijalankan oleh maktab ini. Di samping itu hubungan yang serupa dengan kaum ibu bapa dan penjaga penuntut adalah juga penting untuk dipupuk untuk mewujudkan pengawasan bersama terhadap kemajuan penuntut-penuntut maktab ini. Kaum ibu bapa dan penjaga juga dapat memainkan peranan penting di dalam pengawasan disiplin penuntut-penuntut lebih-lebih lagi bagi mengelakkan penuntut-penuntut di peringkat umur yang mudah dipengaruhi ini dari bahaya-bahaya seperti dadah. Dengan peningkatan taraf institusi ini kepada sebuah maktab kejuruteraan, pihak maktab lebih-lebih lagi tenaga-tenaga pengajar dan penuntut-penuntut, patutlah berbangga kerana peningkatan tersebut adalah mencerminkan kepada usaha dan mutu performance institusi ini. Dengan itu seharusnya pihak-pihak yang berkenaan akan melipatgandakan usaha yang berterusan dengan penuh dedikasi dalam menuju ke arah pencapaian mutu yang lebih tinggi.

Dengan mendahulukan kalimah, Bismillahir Rahmanir Rahim, saya sukacita merasmikan peningkatan taraf Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkih, Kuala Belait menjadi Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkih, Kuala Belait.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd. Zain memberi pandangan dan ulasan di majlis perjumpaan dengan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

SETIAP PEKERJAAN DINIATKAN KEPADA SEDEKAH

Oleh Abd. Karim HAB

KUALA BELAIT. — Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin menyeru kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama supaya sentiasa bersedia membantu orang ramai memerlukan pertolongan dalam berurusan dengan kementerian berkenaan.

"Orang ramai terutama orang-orang tua dan yang datang dari jauh hendaklah diberi pertolongan dalam menghadapi masalah seperti dalam mengisi borang. Jikapun kebetulan bukan tugas masing-masing maka hendaklah diniatkan sebagai sedekah ataupun dipucang-pucang kepada kawan-kawan yang kebetulan ada kelapangan," ujar Yang Berhormat Pehin ketika mengulas taklimat yang diberikan dalam majlis perjumpaannya dengan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Belait pada pagi 30 Oktober lepas.

Yang Berhormat antara lain juga menarik perhatian kadi-kadi daerah agar mengambil berat perkembangan di daerah masing-masing kerana mereka juga mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar.

Bagi pelbagai kes yang

diuruskan oleh jabatan itu, Yang Berhormat Pehin berpuashati dan mengingatkan kes-kes yang ada jangan ditangguh sebaliknya hendaklah diselesaikan.

Di majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah mendengar taklimat dari Pemangku Kadi Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Lazim bin Haji Matali dan pegawai-pegawai kanan yang lain mengenai hal-ehwal pentadbiran, penyiasatan, perkembangan sekolah dan perkembangan agama di daerah itu.

Yang Berhormat Pehin juga meluangkan masa melawat Masjid Muhammad Jamalul Alam dan beramah-mesra dengan pegawai-pegawai di masjid berkenaan.

Yang Berhormat Pehin dalam lawatan itu telah disertai oleh para pengarah jabatan-jabatan di dalam Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Menurut sumber di kementerian itu, majlis berkenaan bertujuan bagi mendengar taklimat mengenai kemajuan dan perkembangan yang telah, sedang dan akan dicapai oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Belait.

Tema sambutan Hari Kebangsaan 1988 'BERDISIPLIN CERGAS BERBUDAYA NEGARA BAHAGIA'

Oleh Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan titah bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menguruskan Sambutan Hari Kebangsaan 1988.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud menyatakan perkara itu di majlis jamuan teh dan ramah mesra dengan persatuan-persatuan belia/kebakjikan dan persatuan-persatuan pakaian seragam di Dewan Serbaguna Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan di sini pada 29 Oktober lepas.

"BERDISIPLIN CERGAS BERBUDAYA NEGARA BAHAGIA" telah dipilih menjadi tema bagi sambutan berkenaan.

Dato Paduka Haji Mohd. Ali berkata, majlis itu antara lain bertujuan merapat-rapati agar usaha persatuan-persatuan akan bergerak selari dengan usaha-usaha pihak kementerian bukan sahaja bagi kebaikan persatuan-persatuan berkenaan tetapi juga untuk Negara Brunei Darussalam.

Selain itu beliau juga menerangkan lebih lanjut mengenai Sambutan Hari Kebangsaan 1988 seperti logo, tema dan persiapan serta penyertaan persatuan-persatuan belia di dalam atur-aturcara sambutan itu.

Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad, Setiausaha Bersama sambutan telah menjelaskan mengenai konsep yang melibatkan penyertaan seluruh lapisan masyarakat.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud selaku Urusetia Hari Kebangsaan 1988 berucap di Majlis Ramah Mesra Urusetia Sambutan Hari Kebangsaan dengan persatuan-persatuan belia dan kebajikan dan persatuan-persatuan belia berpakaian seragam. — Gambar oleh Harun Rashid.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Pantai Berakas	5.11.1987	Khamis	9.00-10.00 pagi
Letak Kereta di Kawasan NAAFI Berakas			
Garison	5.11.1987	Khamis	10.05-11.05 "
Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut	5.11.1987	Khamis	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Jerudong	7.11.1987	Sabtu	8.30- 9.30 "
Pusat Tahanan Jerudong	7.11.1987	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Sengkurong	7.11.1987	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Bebuloh	7.11.1987	Sabtu	10.00-11.00 "
Sekolah Ugama Sengkurong (Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam Kampong Mulaut)	7.11.1987	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah OKSB Kilanas	7.11.1987	Sabtu	3.15- 4.15 "
Kawasan Rumah Persatuan Kampong Tanah Jambu	8.11.1987	Ahad	9.00-10.00 pagi
Kampung Perpindahan Serasa	8.11.1987	Ahad	10.15-11.15 "
Di Hadapan Kedai Muara	8.11.1987	Ahad	11.30-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Lumapas	9.11.1987	Isnin	9.30-10.30 pagi
Sekolah Rendah Junjungan	9.11.1987	Isnin	9.00-10.00 "
Sekolah Rendah Panchor Murai	9.11.1987	Isnin	10.15-11.15 "
Sekolah Ingeris Berakas (Bhg Rendah)	9.11.1987	Isnin	2.00- 3.00 petang
Sekolah Ugama Kampong Perpindahan Berakas	9.11.1987	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Rendah OKBI Subok	10.11.1987	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak	10.11.1987	Selasa	10.30-11.30 "
Bolkiah Garrison	10.11.1987	Selasa	10.00-11.00 "



PEGAWAI-PEGAWAI kanan dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Belait ketika menghadiri majlis perjumpaan antara mereka dengan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd. Zain di Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Tanamkan rasa apresiasi murid-murid terhadap seni lukis

Oleh Bolhassan HAB

KOTA BATU. — Guru-guru mengajar mata pelajaran lukisan diseru supaya menggunakan kaedah-kaedah yang boleh menanamkan rasa apresiasi murid-murid terhadap seni lukis.

Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran, Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak menyeru demikian ketika merasmikan pribu lukisan kanak-kanak di Galeri Pameran Muzium Brunei di sini pada 27 Oktober lepas.

Dalam erti kata lain, jelas Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak, kanak-kanak itu tidak disogokkan semata-mata untuk melukis, tetapi mengapresiasi sumbangan seni itu sendiri dalam kehidupan mereka dan sumbangan seni dalam pembangunan masyarakat dan negara.

"Hal-hal seumpama ini adalah memerlukan inisiatif guru-guru, dan saya percaya guru-guru yang kreatif akan mudah mengatasi masalah ini," ujar Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak.

Di samping itu Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak juga menyeru agar patut diadakan 'Galeri seni kanak-kanak' yang fungsinya untuk mengentengahkan hasil kerja kanak-kanak itu yang tidak semata-mata dalam lukisan tetapi dalam pengembangan bakat dan pelajaran kanak-kanak itu.

Pribu lukisan kanak-kanak itu adalah anjuran bersama Kementerian Pelajaran dan Persatuan Persahabatan Brunei-Jepun (Brunei Japan Friendship Association).

Sebanyak 76 buah lukisan dipamerkan yang mana 24 daripadanya dihasilkan oleh kanak-kanak Jepun. Menurut pihak penganjur lebih 200 buah hasil karya kanak-kanak dari negara kita telah diterima, dari jumlah tersebut cuma 52 buah saja yang berjaya.

Tetamu kehormat, Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak juga telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang peraduan, sejurus sebelum menyaksikan pribu lukisan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pelajaran, Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak menyampaikan hadiah sijil kepada salah seorang pelukis. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Pemulangan pesalah-pesalah jenayah buruan antara Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura

CERMINKAN K'SAMA ERAT KETIGA BUAH NEGARA

Oleh: Abdul Karim Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejayaan pelaksanaan susunan-susunan bagi pemulangan pesalah-pesalah jenayah buruan yang ada sekarang di antara Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Republik Singapura mencerminkan kerjasama erat di antara ketiga-tiga buah negara yang berasaskan saling yakin-meyakini dan percaya-memercayai terhadap sistem undang-undang masing-masing.

Peguam Negara dan Menteri Undang-Undang, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas menyatakan hal ini ketika membuka sesi taklimat dan perbincangan mengenai timbal balas dalam perkara-perkara jenayah yang telah diadakan di Bangunan Undang-Undang pada pagi 28 Oktober lepas.

Peguam Negara Malaysia dan Peguam Negara Republik Singapura yang dalam lawatan kerja rasmi ke negara ini telah mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan.

Peguam Negara Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Abu Talib bin Othman telah memberikan satu taklimat mengenai perampasan hasil-hasil dari jenayah. Manakala Peguam Negara Republik Singapura, Yang Berhormat Awang Tan Boon Teik telah bercakap mengenai pembentukan undang-undang mengenai penyalahgunaan 'inhalan' atau penghiduan gam baru-baru ini di negaranya.

Lebih 50 orang pegawai kanan kerajaan dari pelbagai jabatan yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang menghadiri taklimat dan perbincangan itu.

Kedua-dua Peguam Negara Malaysia dan Republik Singapura juga mengadakan perjumpaan berasingan dengan Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas untuk berbincang mengenai kerjasama dan bantuan dua hala dalam perkara-perkara jenayah dan kehakiman.

Terdahulu sebelum itu, Peguam Negara dan Menteri Undang-Undang, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin telah menerima kunjungan hormat Peguam Negara Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Abu Talib bin Othman dan Peguam Negara Republik Singapura, Yang Berhormat Awang Tan Boon Teik di pejabat Yang Amat Mulia di Bangunan Undang-Undang pada petang Selasa, 27 Oktober.

Kedua-dua Peguam Negara itu berada di negara ini selama tiga hari dalam rangka lawatan kerja rasmi bagi perbincangan-perbincangan

mengenai kerjasama bersama dalam perkara-perkara undang-undang dan kehakiman.

Satu bidang khusus yang dibincangkan ialah susunan

susunan penyerahan penjenayah yang ada sekarang di antara Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Republik Singapura dan bagaimana susunan-susunan ini dapat dipertingkatkan.

Ketibaan mereka yang diiringi oleh seorang pegawai kanan masing-masing di Lapangan Terbang Antarabangsa telah dialu-alukan oleh Peguamcara Negara dan Setiausaha Tetap Kementerian Undang-Undang, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abas bin Haji Seruddin.



YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara ketika menerima kunjungan hormat Peguam Negara Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Abu Talib Othman dan Peguam Negara Republik Singapura, Yang Berhormat Awang Tan Boon Teik. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Siri ceramah agama

JALAN KEBANGSAAN. — Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan beberapa siri ceramah semasa bagi menyemarakkan syiar dan menyerapkan nilai-nilai Islam agar dapat dihayati dan diamalkan melalui kefahaman sejati.

Dalam ceramah 'Memahami Islam' yang disampaikan oleh Ustazah Siti Azizah Musa, seorang

pegawai di pusat berkenaan menjelaskan rukun-rukun Islam dan Iman memainkan peranan penting dalam kehidupan seorang Muslim.

Menurutnya, seseorang Muslim mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dalam kehidupan mereka sehari-hari, bagaimanapun tanggungjawab itu perlulah dilakukan seimbang.

"Kita tidak boleh berat sebelah seperti hanya beribadat semata-mata dan melalaikan pula tanggungjawab dunia seperti urusan keluarga dan begitu juga sebaliknya," katanya.

Majlis yang diadakan pada petang 26 Oktober itu telah dihadiri oleh kaum wanita terdiri dari penuntut penuntut sekolah dan maktab-maktab serta ahli-ahli persatuan belia-belia.



SEBAHAGIAN dari para penuntut dan kaum wanita yang menghadiri majlis ceramah semasa anjuran Pusat Dakwah Islamiah. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub PMHH.

MANUSIA inginkan pengiktirafan kerja yang mereka buat. Manusia ingin meningkatkan produktiviti dan prestasi kerja. Mereka ingin mewujudkan perhubungan erat di antara pekerja di semua peringkat. Dan mereka juga ingin diberi peluang oleh pihak atasan untuk menggunakan daya kreativiti dan tanggungjawab mereka.

Kehendak-kehendak tersebut merupakan faktor yang penting di dalam setiap kegiatan pentadbiran dan pengurusan, bahawa sumber manusia serta hubungan antara manusia adalah menentukan berjaya atau tidaknya proses pentadbiran dan pengurusan itu. Pernah dikatakan bahawa kelemahan di kebanyakan organisasi sama ada sektor kerajaan atau swasta ialah kerana tenaga para pekerja tidak dapat disatukan dan digembelengkan dalam rangka mencapai organisasi itu.

Ini bermakna manusia di dalam satu organisasi itu tidak boleh diperlakukan sama dengan sumber-sumber pentadbiran lainnya seperti modal, mesin, alat-alat kelengkapan dan sebagainya.

Dalam usaha untuk menghayati lunas-lunas tersebut menurut Ketua Unit Bahagian Latihan Pejabat Perjawatan, Awang Jalil bin Abdul Rahman, sesebuah organisasi terpaksa memilih satu teknik atau strategi pengurusan sebagai landasan untuk mencapai matlamatnya. Sebagai langkah permulaan, Pejabat Perjawatan telah memilih teknik yang dikenali sebagai Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK). Ianya bukan sahaja sebagai satu kaedah menganalisa dan menyelesaikan kerja tetapi ia adalah satu strategi meningkatkan produktiviti, perkembangan pasukan dan mewujudkan suasana perhubungan yang sesuai di kalangan pekerja-pekerja. Dalam hubungan ini katanya usaha-usaha pejabat itu memang kena pada tempatnya sungguhpun ada setengah pihak yang belum yakin terhadap penggunaannya sebagai satu alat untuk mengatasi masalah dalam organisasi.

Menurutnya lagi, untuk memperkenalkan teknik pengurusan ini (KMK) pihak-pihak tertentu haruslah

KE ARAH MENINGKATKAN MUTU KERJA:

Strategi pengurusan landasan untuk mencapai matlamat

Oleh Dk. Fatimah PHMN
Gambar oleh Harun Rashid

memberikan sambutan kerana KMK sendiri berkait rapat dengan produktiviti. Ini kerana produktiviti itu sendiri sedang menjadi isu utama antarabangsa memandangkan keadaan ekonomi yang tidak menentu dan bergolak. Dari itu tegasnya, kita harus mengatur strategi-strategi yang sah terhadap peningkatan kepakaran, kemahiran pekerja-pekerja, efisiensi dan daya kreativiti.

Perkara tersebut amat penting diberikan perhatian sesuai dengan semangat kebijaksanaan seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mewujudkan satu pentadbiran awam yang berkesan, cekap, jujur dan amanah adalah mustahak bagi sesebuah negara.

APA DIA KMK DAN HUBUNGANNYA DENGAN ETIKA KERJA

KMK (Kumpulan Mutu Kerja) merupakan ciri yang baik untuk menjadi contoh di dalam organisasi kerajaan atau swasta seperti yang diamalkan oleh Negara Jepun, di mana mereka mengadakan "team spirit" di dalam organisasi. Dengan terbentuk sifat itu, para pekerja mengambil berat kegiatan yang dijalankan oleh kumpulan pekerja di dalam satu organisasi dan sentiasa bekerjasama antara satu dan berganding bahu mengatasi sebarang masalah yang timbul seperti kata pepatah "BERAT SAMA DIPIKUL RINGAN SAMA DIJINJING". Di sinilah kita mengambil contoh bahawa Negara Jepun dalam organisasi, etika kerja itu wujud secara menyeluruh dan dipupuk setiap masa oleh pengurusan organisasi. Malah wujud satu suasana di mana memperbaiki mutu kerja menjadi tanggungjawab semua melalui Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (Q.C.C) atau Quality Control Circle di negara itu. Nyatalah bahawa meningkatkan mutu kerja itu sendiri melatih kita berdisiplin bekerjasama dan mempunyai tanggungjawab dengan sendirinya wujud etika kerja.

Apabila ditanya, apakah definisi KMK itu, Awang Jamaluddin bin Haji Saman, seorang Pegawai Kanan Pejabat Perjawatan menjelaskan, KMK didefinisikan sebagai Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja terdiri dari sekumpulan pekerja yang bermesyuarat secara reguler atau akrab untuk mengenalpasti, memilih masalah dikemukakan kepada pihak pengurusan untuk dipertimbangkan dan dilaksanakan jika sesuai.



AWANG Jalil bin Haji Abd. Rahman

Sebenarnya di dalam organisasi kerajaan, ianya mempunyai jawatankuasa pemandu untuk mengamalkan teknik KMK seperti yang terdapat di Pejabat Perjawatan sendiri. Iaitu keahliannya terdiri dari Ketua Jabatan, Ketua-ketua Bahagian dan fasilitator dalam organisasi. Tujuannya adalah untuk menentukan kumpulan yang berjalan dengan berkesan serta mencapai matlamatnya.

Tugasnya antara lain untuk mempelajari dan mengkaji konsep program dengan teliti dan mendalam, memandangkan falsafah program dengan falsafah organisasi, merancang matlamat dan dasar program dan memastikan penglibatan dan sokongan dari pihak pengurusan pertengahan.

Di negara kita, menurut seorang pegawai Pejabat Perjawatan, Dayang Hajjah Hindun binti Dato Paduka Haji Nordin, seramai 44 orang pegawai dari 32 buah jabatan-jabatan kerajaan telah dilatih sebagai fasilitator KMK. Di samping itu 10 buah jabatan sudah dan sedang menubuhkan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja. Ini bermakna kita boleh mengadakan KMK itu tiap-tiap bahagian di dalam sesuatu organisasi dengan tujuan mereka sentiasa mengadakan mesyuarat dengan memperbaiki kerja bahagian masing-masing.

Ini mungkin kerana KMK itu sendiri bertujuan memperbaiki dan menambahkan prestasi kerja dan mewujudkan hubungan dua hala antara pegawai-pegawai atasan dan kakitangannya secara komunikasi interpersonal atau bersemuka di samping memupuk dan menerapkan etika kerja yang positif. Sebenarnya banyak lagi perkara yang patut kita buat untuk mendapatkan pendekatan baru di dalam pengurusan kerja.

Pendekatan itu ialah apa cara yang baik kita buat dan kita perlu menggunakannya, kemudian dibincangkan dan difikirkan sesuai dengan



AWANG Jamaluddin bin Haji Saman

kehendak kita sebelum ianya dipertimbangkan oleh pihak atasan. Apa yang penting dalam KMK ialah adanya kepimpinan yang utuh dan kukuh di dalam satu organisasi itu yang sentiasa mengawasi perjalanan setiap bahagian supaya mutu kerja itu bernilai tinggi.

KMK ini mempunyai faedahnya tersendiri iaitu memperbaiki, menambah dan meningkatkan produktiviti dan prestasi kerja, memperbaiki sistem dan cara kerja, mengeratkan perhubungan dan kerjasama di antara pekerja di semua peringkat pengurusan, memberi keyakinan kebolehan diri sendiri dan mendapat kepuasan bekerja.

Faedah-faedah tersebut telah nampak dan dapat



AWANG Shamshu bin Ahad

dirasakan, apabila satu peraduan kumpulan pekerja cemerlang diadakan oleh Pejabat Perjawatan baru-baru ini. Kumpulan Mawar telah berjaya sebagai Kumpulan Terbaik (kumpulan pekerja cemerlang). Menurut Ketua Kumpulan, Awang Shamsu bin Ahad kumpulannya mempunyai lapan orang ahli. Kumpulan Mawar juga terdiri dari kakitangan yang bertugas di Bahagian Catatan Perkhidmatan yang terdiri dari kerani penelitian, kerani koding dan kerani data entry.

Apa yang dilihat dalam persembahan mereka itu ialah mereka berjaya membuat satu kumpulan yang berjaya dalam membimbing ahlinya untuk menyesuaikan diri dengan sifat-sifat kepimpinan (bila berhadapan



HAJJAH Hindun binti Dato Paduka Haji Nordin

dengan orang ramai merapatkan hubungan dengan ahli-ahlinya dan menampakkan adanya persediaan yang cukup sebelum pertandingan walaupun kumpulan ini 6 orang sahaja yang menyertainya.

Ukuran yang penting untuk menentukan sama ada sesuatu organisasi itu cekap dan berkesan ialah sejauh mana perkhidmatan yang diberi dan keputusan yang dibuat sampai kepada rakyat jelata dengan cekap dan memuaskan. Ini hanya akan dapat dilakukan sekiranya pekerja-pekerja dalam sesuatu organisasi itu bekerja dengan gigih dan teratur serta disiplin di samping mempunyai etika kerja yang baik dan berusaha menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi.



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah bermula pada 28 Oktober, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN — 2085

- 1) Ubi Kentang 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Thye Seng Dept. Store B1 Jalan Robert.
 - b) Kedai Chop Ken Ken B2, Jalan Robert.
- 2) Makanan Ayam (telur) 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Kedai Chop Kian Lee A4, Jalan Robert.
- 3) Beras Pulut segantang \$2.80.
 - a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.

TUTONG — 5082.

- 1) Ubi Kentang 1 kilogram \$1.50/1 kati 90 sen.
 - a) Chop Tong Huat No. 17 Jalan Enche Awang.
- 2) Makanan Ayam (telur) 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Kedai Soo Lee Mini Mart No. 1 Jalan Enche Awang.
 - b) Lim Kian Seng No. 3 Jalan Enche Awang.
- 3) Beras Pulut segantang \$3.00.
 - a) Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.
 - b) Chop Tong Huat No. 17 Jalan Enche Awang.

SERIA — 7087

- 1) Ubi Kentang 1 kilogram \$1.50/1 kati 90 sen.
 - a) Kedai Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.
- 2) Makanan Ayam (telur) 1 kilogram 90 sen/1 kati 55 sen.
 - a) Kedai Poh Shing No. 6, Jalan Sultan Omarali.
- 3) Beras Pulut segantang \$3.00.
 - a) Kedai Chin Siong Hing No. 3, Jalan Sultan Omarali.
 - b) Kedai Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.

KUALA BELAIT — 6083

- 1) Ubi Kentang 1 kilogram \$1.50/1 kati 90 sen.
 - a) Kedai Teo Hiang Hng No. 45 Jalan Pretty.
 - b) Kedai Yick Guan No. 3, Jalan Pretty.
- 2) Makanan Ayam (telur) 1 kilogram 80 sen/1 kati 50 sen.
 - a) Syarikat M. Haji Chinese Chamber of Commerce.
- 3) Beras Pulut segantang \$2.70.
 - a) Chop Lian Ho No. 24 Jalan Pretty.

Makluman

JABATAN Tanah, Kementerian Pembangunan memaklumkan supaya nama-nama yang tersebut di bawah supaya akan dapat datang ke Jabatan Tanah dengan membawa geran tanah asal EDR 119 Lot 27 dan kad pengenalan masing-masing dengan segera untuk membolehkan jabatan berkenaan memasukkan nama-nama mereka ke dalam komputer.

Mereka ialah Dayang Zabariah binti Chuchu, Sarbanun binti Daud, Fatimah binti Daud dan Bakar bin Daud.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

RABU 4 Nov.

PAGI

- 7.45 PEMBUKAAN
7.47 AL-QURAN
7.57 SUSUNAN RANCANGAN
8.00 PERARAKAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM 1408 HIJRAH/1987 MASIHI (Siaran Langsung)
NADASARI
11.00 TAYANGAN GAMBAR: "Goldy — The Last Of The Golden Bears"
12.06 AZAN ZUHUR
12.30 ANIMATION SPECIAL: "Gulliver's Travel"

PETANG

- 1.45 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Jeritan Si Buyong"
3.26 AZAN ASAR
3.30 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA — sambungan
4.05 PROFILES OF THE MUSLIM WORLD: "Mali/Malaysia/Niger/Nigeria"
5.05 THE WIND IN THE WILLOWS: "A Producer's Lot"
5.30 DEFENDERS OF THE EARTH: "Deal With The Devil"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 DEFENDERS OF THE EARTH — sambungan
6.02 AZAN MAGHRIB
6.07 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.17 MY SISTER SAM: "Almost In Laws"
6.35 ANIMAL IN ACTION: "Herds And Colonies"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.30 SMALL WONDER: "The Cat's Meow"
7.55 L. A. LAW: "50 Ways To Floss Your Lover"
8.45 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT PELITA
9.30 ACARA KEMUNCIAK PERARAKAN MAULUD NABI SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM 1408 HIJRAH/1987 MASIHI
11.00 THE COLBYS: "All Fall Down"
Jason terlepas dari percubaan pembunuhan tetapi Cash cedera parah dalam tembakan di persidangan IMOS itu; Francesca menerima cincin pertunangan dari Jason sementara Sable diminta memberi kata putus oleh Zach; seorang pembeli misteri merancang untuk mengambil alih Colby Enterprises melalui pintu belakang; dan Channing bergaduh dengan Fallon yang mengakibatkan sesuatu yang tidak diinginkan.
12.00 SIARAN TAMAT.

KHAMIS 5 Nov.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 HEATHCLIFF
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 HEATHCLIFF — sambungan
6.02 AZAN MAGHRIB
6.07 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.17 ECONOMIC TODAY
6.35 SUPERGRAN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
7.17 BIMBINGAN ISLAM

- 7.30 WEBSTER: "Our Song"
Apabila Webster melihat betapa kecewanya George dan Katherine kerana tidak dapat menyaksikan konsert oleh kumpulan The Four Tops disebabkan kehabisan tiket, ia memujuk kumpulan itu supaya membuat persembahan secara peribadi di hari ulang tahun ayah dan ibunya itu.
8.00 THE HUNTER: "The Cradle Will Rock"
Dee Dee menyamar sebagai penyanyi rock dalam usaha untuk menyelesaikan sebuah kes pembunuhan yang pelik.
9.00 WARTA BERITA
9.25 HIDAYAT
9.55 DUNIA MINGGU INI
10.25 MAGNUM: "Forty"
11.15 TAYANGAN GAMBAR: "Embryo"
Bayangkan seorang saintis terkemuka mengamalkan teorinya mengenai perkembangan manusia hingga menjadi kenyataan dengan menyuntik hormon perkembangan yang kuat ke dalam mudigah perempuan yang hidup. Janin itu bukan saja hidup tetapi membesar menjadi seorang wanita muda yang cantik berusia 22 tahun hanya dalam masa 4½ minggu.
12.50 SIARAN TAMAT.

JUMAAT 6 Nov.

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.14 BIMBINGAN ISLAM — ulangan
12.25 HIDAYAT — ulangan
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARU JUMAAT
12.50 HIDAYAT — sambungan

PETANG

- 1.00 SEARCH FOR ADVENTURE: "In Search Of The Deepest Cave"
1.50 SABER RIDER AND THE STAR SHERIFFS: "Wild Horse Couldn't Drag Me Away"
2.15 ARENA SUKAN
3.05 MASK
3.26 AZAN ASAR
3.31 AL-KISAH
3.45 MAGIC CORNER
4.10 ADVENTURER: "Sovay"
Jack dan rakan-rakannya menyelamatkan seorang wanita muda bernama Soyay dan seorang leftenan yang cedera dari sebuah bot kecil yang terumbang-ambing di laut. Jack dapati Soyay telah melarikan diri dari sebuah kapal yang membawa bapduan yang telah karam.
5.10 GRUMBLEWEEDS RADIO SHOW
5.35 THREE UP TWO DOWN
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THREE UP TWO DOWN — sambungan
6.02 AZAN MAGHRIB
6.07 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.17 THREE UP TWO DOWN — sambungan
6.30 THE MAKING OF . . . : "The Naked Face"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 REKASENI: "Gubahan Dari Buah-Buahan"
7.55 MACGYVER: "Birthday"
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 FORUM: Bagaimana Mengelak Kemalangan Dan Bahaya-bahaya Dalam Rumah"
10.20 FALCON CREST: "False Front"
11.20 SIARAN TAMAT.

SABTU 7 Nov.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 WILDLIFE ON ONE: "Returned Of Sea Eagle"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 ALF: "Lookin' Through The Windows"
6.02 AZAN MAGHRIB
6.07 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.17 ALF — sambungan
6.30 MY LITTLE PONY AND FRIENDS

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 THREE'S COMPANY: "Cupid Works Overtime"
8.00 HOT SHOTS: "Warriors"
9.00 WARTA BERITA
9.25 HIBURAN TEMPATAN: "Bersama M. Daud Kilau"
10.25 TAYANGAN GAMBAR MELAYU: "Jejaka Perasaan"
11.55 ENTERTAINMENT THIS WEEK (Episod akhir)
12.50 SIARAN TAMAT.

AHAD 8 Nov.

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.06 AZAN ZUHUR
12.09 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 MUSICAL: "Reo Speedwagon"

PETANG

- 1.00 BIG LEAGUE SOCCER 1987/1988
1.50 TAYANGAN GAMBAR: "Samurai"
3.27 AZAN ASAR
3.31 THE ADVENTURES OF TEDDY RUXPIN: "Grubby's Romance"
4.00 SILVERHAWKS: "Zeek's Fumble"
4.25 DRAMA (SBC): "Busu Bayat"
5.05 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL — sambungan
5.55 CENTURIONS: "Sungrazer"
6.02 AZAN MAGHRIB
6.07 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.17 CENTURIONS — sambungan
6.30 ONE OF FAMILY: "Jake's Commitment"
Temam wanita uncle Jake ingin mendirikan rumahtangga tetapi Jake belum yakin sama ada ia mahu dikongkong oleh perkahwinan.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.30 WHAT A COUNTRY! "Holiday On Ice"
7.45 MATLOCK: "The Court Martial" Bgh. II
Diftnah membunuh seorang leftenan yang kejam, Soldadu Hughes menghadapi perbicaraan mahkamah tentera dan pembelaan Matlock bergantung ke atas skandal yang ditutupi oleh empat orang pegawai.
8.35 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT ASIA
9.55 HIBURAN MINGGU INI
10.15 LONG HOT SUMMER (Episod akhir)
11.05 HITCHHIKER "When Morning Comes" (Siri baru)
11.40 SIARAN TAMAT.

ISNIN 9 Nov.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE ALPHABET GAMES: "The Letter — L"
4.45 BITS AND PIECES: "Trains"
4.55 SNORKEL
5.20 THE WORLD ABOUT US: "Majorca Observed"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE WORLD ABOUT US — sambungan
6.02 AZAN MAGHRIB
6.07 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.17 THE WORLD ABOUT US — sambungan
6.30 THE EDISON TWIN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 WHO'S THE BOSS? "Raging Housekeeper"
7.45 O'HARA: "Terry"
Suatu kematian yang dahsyat akibat dadah di sebuah sekolah tinggi menyebabkan Ohara menyamar sebagai seorang guru dalam melakukan siasatan.
8.35 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 SUPERSTARS OF WRESTLING
10.50 TAYANGAN GAMBAR: Missing In Action"
Kolonel James Braddock percaya bahawa peperangan belum selesai sebelum soldadu yang penghabisan selamat pulang ke tanahair. Kepercayaan ini membara dalam dirinya setelah bertahun-tahun ditahan dalam sebuah khemah perang Vietnam Utara dan menerima siksaan yang kejam. Selepas berjaya melarikan diri, kepercayaannya ini kian membara lebih-lebih lagi ia tahu ada ramai lagi yang hilang dalam pertempuran.
12.30 SIARAN TAMAT.

SELASA 10 Nov.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SEABERT
4.40 SQUARE ONE
5.10 JEM
5.35 O-LA-LA
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 O-LA-LA — sambungan
6.02 AZAN MAGHRIB
6.07 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.17 O-LA-LA — sambungan
6.30 ZERO ONE MAGAZINE

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 MARI MEMASAK: "Kuih Potong"
(Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini).
7.55 AIRWOLF: "Blackjack"
Bagi Stringfellow Hawke, pertemuan semula dengan abangnya yang sudah lama menghilang menandakan berakhirnya satu bab dalam hidupnya tetapi bagi St John Hawke, ianya adalah merupakan titik permulaan sebuah pengembaraan.
8.45 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 BELIA
9.45 ARENA SUKAN
10.45 KANE AND ABEL (Episod akhir)
11.45 SIARAN TAMAT.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

BERITA KELUARGA DI RADIO BRUNEI



Sudut Remaja

SEJAUH ini Sudut Remaja Minggu Ini telah berjaya menampilkan sebanyak 36 orang penyanyi remaja tanahair, baik yang baru berjinak dengan seni suara ataupun penyanyi remaja yang mula mencipta nama.

Keluaran ke-37 minggu ini rancangan tersebut akan diisikan dengan persembahan dari pemenang ketiga pertandingan Bintang Remaja 87 iaitu Ak Haji Joeharni Pg Haji Mahari.

Rancangan diterbitkan oleh Hasnan Suhaili.

Begitulah juga dengan soal-soal yang lain yang ada hubungannya dengan kepentingan masyarakat ramai.

HUBUNGAN

Hubungan masyarakat ramai dengan Radio Brunei sememangnya sudah agak lama terjalin. Demikian juga kepentingan Radio Brunei terhadap masyarakat ramai di negara ini sentiasa terbuka dan memberikan layanan-layanan yang berkecambah pada setiap masa. Dalam hal ini bentuk maklumat persendirian yang dikenali sebagai 'Berita Keluarga' merupakan salah satu perkhidmatan yang agak ketara dan diperlukan oleh masyarakat ramai.

Untuk pengetahuan masyarakat pendengar lebih lanjut lagi ruangan Radio Minggu Ini ingin menjelaskan serba sedikit berhubung dengan 'Berita Keluarga' di Radio Brunei. Mungkin penjelasan yang agak ringkas ini dapat memberikan panduan yang berfaedah, sebelum memohon apa-apa perkhidmatan di Radio Brunei. Kerana 'Berita Keluarga' ini mempunyai kepentingan yang agak besar kepada masyarakat pendengar di negara ini. Jadinya, pihak Radio Brunei tidak mahu ruangan ini disalah erti dan juga disalahgunakan oleh masyarakat pendengarnya.

ISI BORANG

Sebenarnya, untuk memohon perkhidmatan 'Berita Keluarga' ia mempunyai syarat-syarat tertentu yang telah pun dikehendaki oleh pihak Radio Brunei sejak ini. Antaranya; permohonan menerusi telefon hanya diperuntukkan kepada 'PEMOHON' yang tinggal jauh seperti di Daerah Belait, Tutong ataupun Temburong, ataupun kawasan-kawasan yang agak sukar perjalanannya untuk sampai ke bangunan RTB. Pemohon-pemohon yang

berkehendakkan perkhidmatan radio ini haruslah pula menggunakan telefon-telefon khas kerajaan, seperti di Balai-balai Polis, rumah-rumah sakit dan juga rumah-rumah Penghulu di daerah-daerah berkenaan. Ini adalah untuk memberikan jaminan bahawa si pemohon yang berkehendakkan perkhidmatan Radio Brunei itu adalah benar-benar bertanggungjawab, bukannya mempunyai maksud lain seperti bertujuan untuk menganiaya orang lain.

SYARAT-SYARAT

Sementara, pemohon-pemohon yang berdekatan ataupun mudah perhubungannya dengan Radio Brunei, selok-eloknya mengisi borang khas 'BERITA KELUARGA' yang disediakan oleh pihak Radio Brunei. Dalam borang khas ini ada beberapa perkara yang patut diisi oleh si pemohon. Hubungilah pihak yang berwajib di Bahagian Radio Brunei, bila berkehendakkan perkhidmatan-perkhidmatan seperti ini.

Satu hal lagi yang harus diketahui oleh masyarakat pendengar radio. Pengumuman - pengumuman 'Berita Keluarga' yang hendak ditujukan haruslah tepat ke matlamat orang yang dimaksudkan.

Sebutkanlah beberapa nama yang difikirkan sukar dihubungi dengan telefon di rumah sendiri. Mungkin agak tidak rasional kalau sekiranya mengirimkan 'Berita Keluarga' di radio kepada sanak-saudara yang berdekatan dan mudah pula dihubungi dengan telefon di rumah sendiri. Ini tentulah merupakan sebuah cerita yang agak lucu sedikit. Jadinya, penggunaan ruangan 'Berita Keluarga' di Radio Brunei sebaik-baik tujuan. Kerana 'Berita Keluarga' yang disiarkan akan dapat memberikan perasaan simpati dan ucapan "Innaillahi Wa-Innaillaihi-raajiuun" kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang kembali ke rahmatullah!

Sandiwara Radio:

'Api Tidak Selalunya Membara'

PENULIS Mahkota Alam, Negara Brunei Darussalam kali ini berpeluang untuk mengisi ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini dengan cerita yang berjudul "API TIDAK SELALUNYA MEMBARA."

Sandiwara yang bertemakan pembangunan akhlak ini mengemukakan

Razib sebagai watak utamanya. Razib merasa kehidupannya amat membosankan kerana menjalaninya sebagai seorang penganggur. Sudah puas ia memohon pekerjaan, tapi jawapan yang diterimanya semuanya duka-cita.

Sikap Razib yang teralu memilih kerja itu menimbulkan rasa tidak puas hati kepada abangnya Razali. Di rumah Razalilah, Razib menumpang tinggal di bandar. Rupanya keadaan Razib yang menganggur itu diperhatikan oleh dua orang temannya dan mereka bersedia menawarkan kerja kepada Razib. Razib tanpa berfikir panjang lagi terus menerima tawaran tersebut.

Rupa-rupanya pekerjaan yang diberikan itu bukan seperti yang diharapkannya. Ia dibawa bersubahat dalam satu komplot jahat yang banyak menjahanamkan harta benda

orang lain. Nasib baik kegiatan jahat Razib itu lekas sampai ke pengetahuan abangnya.

Razali terus bertindak menghantar Razib balik ke kampung dan memintanya mengusahakan tanah pusaka warisan mereka menjadi kawasan ladang yang mendatangkan hasil. Mujur juga Razib mahu mengikut nasihat yang baik itu.

Malangnya setelah segala usaha Razib mulai mendatangkan hasil, teman-teman yang cuba menjerumuskannya ketika di bandar dulu datang lagi menggonggonya dan mereka mahu Razib mengikut segala kehendak mereka.

Bagaimanakah kesudahan sandiwara ini? Jangan lupa untuk mengikuti siarannya nanti pada 8 November, 1987 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Salmah Haji Abd Rahman.

Mari Memasak:

KUIH POTONG

BAHAN-BAHAN: NYA :-

410 gram mentega
510 gram tepung gandum
170 gram tepung jagung
170 gram gula halus
sedikit gula halus untuk menabur di atasnya.

CARA-CARA MEMBUATNYA :

Mentega dipanaskan hingga cair sejujukan se-

bentar. Masukkan tepung gandum, tepung jagung dan gula, gaul rata-rata.


Lepas itu masukkan ke dalam acuan empat segi yang sudah dilapis dengan kertas minyak tekan rata-rata di atasnya lalu bakar.

Setelah masak sejujukan sebentar lalu dipotong mengikut suka dan tabur di atasnya dengan gula halus.

Majlis perasmian m MAKTAB KEJURUTERAAN



YB Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Menteri Pelajaran (gambar atas) mendengar penjelasan dari dua orang anggota ABDB ketika melawat ke bahagian pameran angkatan tersebut. Gambar bawah, Yang Berhormat ketika menyampaikan sijil kepada salah seorang pelajar lelaki lulusan maktab tersebut.



GAMBAR atas, Yang Berhormat Menteri Pelajaran ketika menyaksikan salah satu peralatan latihan amali bagi kursus elektrik yang dikendalikan oleh penuntut-penuntut maktab tersebut. Gambar kanan, penuntut-penuntut maktab berkenaan ketika menyanyikan lagu beramai-ramai - koir di majlis perasmian tersebut.

kan taraf FRI BOLKIAH



GAMBAR atas, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Menteri Pelajaran dan Timbalan Menteri Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad, Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Puasa serta lain-lain pegawai kanan Kementerian Pelajaran ketika hadir di majlis tersebut.

GAMBAR sebelah kiri, Yang Berhormat Menteri Pelajaran ketika menyampaikan sijil kepada salah seorang pelajar perempuan lulusan maktab berkenaan.

Oleh: Dk. Saidah PHO
Gambar-gambar oleh: Pg. Bahar PHO



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Menteri Pelajaran ketika menyaksikan kemahiran kerja-kerja amali kursus elektrik yang dilakukan oleh salah seorang penuntut maktab berkenaan.

Kemahiran vokasional bagi penuntut yang gagal

Oleh Dk. Saidah PO

KUALA BELAIT. — Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Chuchu menegaskan bahawa penuntut-penuntut yang terkandas di peringkat menengah akan dapat diasuh dan dilatih dengan kemahiran-kemahiran tertentu dalam jurusan vokasional.

Mereka menurutnya boleh dilengkapi dengan kemahiran teknologi dan sebagainya yang mana nanti akan dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan negara.

Berucap di majlis penyampaian hadiah kepujian Brunei Shell kepada 142 penuntut di seluruh negara yang berprestasi di Kelab Ria Shell Brunei di sini, Dato Paduka Awang Haji Chuchu menegaskan, "Tugas yang berat ini hendaklah jangan semata-mata dilepaskan kepada kerajaan sahaja. Pihak-pihak swasta yang mempunyai kemampuan hendaklah juga membuat

perancangan-perancangan yang tersendiri dalam sekurang-kurangnya memenuhi kehendak keperluan peringkat asas dan separuh mahir mereka termasuklah melatih serta mengambil pekerja lepasan-lepasan sekolah menurut kesesuaian."

Menurut Dato Paduka Awang Haji Chuchu, pengalaman hanya akan dapat diperolehi setelah menjalankan satu-satu pekerjaan, dan bukan hanya dengan kelulusan yang tinggi.

Skim penganugerahan yang dilakukan oleh Shell Brunei itu, jelas Dato Paduka Awang Haji Chuchu merupakan sebagai satu dorongan kepada penuntut-penuntut supaya terus bergiat cergas bukan sahaja di bidang akademik tetapi juga meliputi kegiatan-kegiatan luar di samping mempunyai keperibadian yang tinggi.

Ini menurutnya lagi, negara kita Brunei Da-



DATO Paduka Haji Awang Chuchu, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan ketika menyampaikan hadiah kepujian Brunei Shell kepada pelajar cemerlang perempuan, Dayang Suriyati binti Bujang dari Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

russalam memerlukan tenaga-tenaga yang berkualiti dan berkemahiran dalam semua bidang.

Sementara itu seramai 28 orang penuntut Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari 10 buah sekolah dan maktab kerajaan di seluruh negara terpilih menerima sumbangan hadiah dari Syarikat Minyak Shell Brunei pada hari Isnin 26, Oktober.

Majlis tersebut berlangsung di Kementerian Pelajaran,

Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Penuntut-penuntut berkecuali akan mengambil Peperiksaan G.C.E. Peringkat Biasa dan setiap mereka menerima sumbangan hadiah yang berupa wang tunai sebanyak \$750.00.

Hadiah tersebut disampaikan oleh Pengurus Hal-Ehwal Awam Syarikat Minyak Shell Brunei, Awang Mohd. Zaini bin Haji Omar.

Di majlis tersebut Syarikat

Minyak Shell Brunei juga menyumbangkan hadiah yang sama kepada 11 orang penuntut tahun lalu dari tiga buah sekolah dan maktab di negara ini, iaitu lapan orang dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Jalan Gadong, seorang dari Sekolah Menengah Perdana Wazir dan dua orang dari Sekolah Menengah Awang Semaun. Penuntut berkenaan akan mengambil Peperiksaan G.C.E. Peringkat Biasa dan Lanjutan.

Penuntut yang terpilih itu

menerima hadiah tersebut bergantung kepada prestasi dan peningkatan mutu pelajaran mereka di samping mendapat sokongan dari pengetua sekolah dan maktab mereka masing-masing.

Hadiah tersebut dianugerahkan sejak tahun 1958. Antara lain tujuan Syarikat Minyak Shell Brunei menyumbangkan hadiah tersebut ialah bagi membantu penuntut-penuntut untuk menamatkan pelajaran mereka di peringkat akademik masing-masing.



ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *PENGAMBILAN WANITA YANG KE-14 BERAKHIR PADA 14 DISEMBER 87*

**IKUTILAH JEJAK LANGKAH KAMI, PERTIWI GAGAH
BERSEMANGAT WAJA**



BERKHIDMATLAH DENGAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

**NEGARA AMAN MAKMUR RAKYAT HIDUP BAHAGIA
KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA TERLETAK
DI TANGAN AWDA**

SYARAT-SYARAT YANG DIKEHENDAKI

1. Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Dayang-Dayang mestilah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan Tiga Melayu atau yang sebanding dengannya.
3. Berumur 17½ tahun hingga 25 tahun dan masih bujang.
4. Berat badan tidak kurang dari 44.10 kg. tinggi tidak kurang dari 1.45 meter dan berbadan sihat.
5. Dayang-Dayang mestilah lulus pemeriksaan perubatan dan ujian pelajaran yang diadakan oleh ABDB.
6. Dayang-Dayang hendaklah dari salah satu puak seperti berikut: Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Murut dan Bisaya.

Mendaftarlah kepada
Pejabat Pengambilan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Bolkiah Garison
Negara Brunei Darussalam

Nama :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Tarikh Lahir : Umur :

Alamat Sekarang :

Kelulusan Sekolah :

Nama Ayah/Penjaga :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Tarikh Lahir : Tempat Lahir :

Alamat Sekarang :

No Telefon Rumah/Pejabat :

Tandatangan : Tarikh :



ROYAL BRUNEI

Dengan kerjasama Kementerian Pelajaran, Penerbangan Diraja Brunei menawarkan dermasiswa kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi membolehkan pemuda-pemuda untuk menjalani kursus pelatih juruterbang.

Calon-calon yang berjaya akan dihantar ke United Kingdom untuk menjalani kursus bagi mendapatkan "Commercial Pilot Licence and Instrument Rating". Kursus ini dijangka mengambil masa selama 15 bulan dan setelah tamatnya kursus ini pelatih-pelatih akan ditempatkan ke Syarikat Penerbangan lain sama ada di Eropah atau New Zealand untuk mendapatkan pengalaman praktikal dalam memandu pesawat jenis "Turbo Prop" sebelum kembali ke Brunei.

**Kerjaya
yang paling
mencabar
di Negara
Brunei
Darussalam**

JADILAH SEORANG PELATIH JURUTERBANG DIRAJA BRUNEI



Mereka yang berminat dalam kerjaya ini adalah diminta menulis dan memberi keterangan masing-masing kepada Pejabat Kakitangan, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Peti Surat 737, Bandar Seri Begawan 1907, Negara Brunei Darussalam tidak lewat 20 November, 1987.



Keperluan dan kelayakan pemohon

1. Calon-calon mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mempunyai rekod kesihatan dan penglihatan yang baik.
2. Berumur 17 tahun ke atas.
3. Mempunyai kelulusan 5 kepujian dalam peperiksaan peringkat biasa termasuk mata pelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Ilmu Hisab dan satu mata pelajaran Ilmu Sains dan mempunyai kelulusan dalam peringkat tertinggi adalah satu kelebihan.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Di Jabatan Perjawatan (Di Bahagian Unit Latihan)

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di JABATAN PERJAWATAN (BAHAGIAN UNIT LATIHAN), Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI LATIHAN ((Bilangan Kod : 032 19-423)
Tanggagaji : B. 2 — \$2270-\$3760 sebulan.

atau
B. 2 EB. 3 — \$2270-\$4240 sebulan.

Kelayakan :

1. a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengajian yang bersesuaian atau kelulusan yang berkaitan yang sebanding dengannya.

ATAU

- b) i) Higher National Diploma dalam bidang pengajian yang bersesuaian atau kelulusan yang berkaitan yang sebanding dengannya.
ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III tidak kurang dari lima tahun.
iii) Berpengetahuan dalam bidang latihan, pentadbiran atau pengurusan kakitangan Kerajaan.

ATAU

- c) i) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Latihan tidak kurang dari empat tahun.
ii) Telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- d) i) Mempunyai kelulusan pengurusan dari institusi-institusi pengurusan dalam atau luar negeri yang diiktiraf.
ii) Pemegang Diploma atau Diploma Lanjutan (Advanced Diploma) dalam bidang-bidang Pendidikan.
iii) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Penolong Pensyarah/Penolong Pegawai Pelajaran.

2. Boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

3. Kebolehan memberikan syarahan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

4. Mengetahui sedikit sebanyak tentang adat istiadat Negara Brunei Darussalam.

Lain-lain Syarat :

Calon yang berjaya hendaklah bersedia pada masa yang akan ditentukan mengikuti latihan lanjut, kursus-kursus singkat di dalam/luar negeri dan kursus-kursus ijazah-ijazah lanjutan sehingga (Sarjana, P.H.D.) dalam bidang-bidang khusus di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh.

2. PENOLONG PEGAWAI LATIHAN
(Bilangan Kod : 032 19-424)

Tanggagaji : C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

1. a) Higher National Diploma atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya atau lulus sekurang-kurangnya Tahun Pertama Ijazah Sarjana Muda sama ada di bidang Pentadbiran Awam ataupun Pengurusan/Pengurusan Kakitangan.

ATAU

- b) Pegawai-pegawai Kerajaan dalam Bahagian III atau dalam tanggagaji yang baik dalam bidang pengajian yang bersesuaian dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima tahun dan telah pun ditetapkan dalam jawatan dan mempunyai pengalaman kerja dalam bidang latihan atau pendidikan pentadbiran atau pengurusan kakitangan.

ATAU

- c) i) Sedang dan telah berkhidmat sebagai guru sekurang-kurangnya 10 tahun.
ii) Mempunyai kelulusan pengurusan dari institusi-institusi pengurusan dalam atau luar negeri yang diiktiraf.
iii) Pemegang-pemegang Diploma/Diploma Lanjutan dalam bidang-bidang Pendidikan merupakan satu kelebihan.

ATAU

- d) Pegawai-pegawai Kerajaan dalam Bahagian IV yang mempunyai kelulusan Ordinary National Diploma ataupun kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang pengajian yang bersesuaian dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun dan telah pun ditetapkan dalam jawatan dan mempunyai pengalaman kerja dalam bidang latihan atau pentadbiran atau pengurusan/pengurusan kakitangan;

ATAU

- e) Pemohon-pemohon yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman kerja dalam bidang latihan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau sektor swasta.

2. Boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

3. Kebolehan memberikan syarahan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

4. Mengetahui sedikit sebanyak tentang adat istiadat Negara Brunei Darussalam.

Lain-lain Syarat :

Calon yang berjaya hendaklah bersedia pada masa yang akan ditentukan mengikuti latihan lanjut, kursus-kursus singkat di dalam/luar negeri dan kursus-kursus ijazah-ijazah lanjutan sehingga (Sarjana, P.H.D.) dalam bidang-bidang khusus di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 7 Disember, 1987

Bilangan Pendaftaran : 114/1987.

(E/13/79)

Sebagai Tukang Pelan Kanan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai TUKANG PELAN KANAN di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Kod : 084 03-292

Tanggagaji : C. 2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan :

- a) Berumur di antara 22 hingga 45 tahun.

- b) i) Higher National Certificate atau TEC/BEC Higher Certificate dalam bidang "Draughtsmanship" atau yang sebanding dengannya serta mempunyai satu tahun pengalaman praktikal dalam Bahagian Pelan;

ATAU

- ii) Diploma dalam "Draughtsmanship" dan lima tahun pengalaman praktikal sebagai Tukang Pelan sama ada dari Perkhidmatan Kerajaan ataupun firma-firma tempatan/luar negeri yang diakui.

ATAU

- iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Tukang Pelan yang ditetapkan dalam jawatan dan 10 tahun pengalaman praktikal melukis pelan-pelan senibina serta tahu membaca pelan bangunan.

Syarat-syarat Lantikan :

Pemohon-pemohon yang berjaya akan dilantik secara kontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh percubaan.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Pemohon-pemohon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 17 Disember, 1987.

Bilangan Pendaftaran : 115/1987.

(E/42/47(FT))

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL. : PPL/TB/31/1987

Tajuk kerja : PEMELI-
HARAAN LOJI-LOJI
HAWA DINGIN DI
BANGUNAN HIJAU
BAIDURI DAN AM-
BAR KASTURI, JA-
LAN TUTONG, NE-
GARA BRUNEI DA-
RUSSALAM UNTUK
SELAMA 2 TAHUN.
Cengkeram : \$200.00.

Tarikh tutup : 9 Novem-
ber (hari Isnin) jam 12.00
tengah hari.

Tempat tutup : Peti Ta-
waran, Kementerian Pem-
bangunan.

Kelayakan pemborong : Kel-
as : "A" (Hawa Dingin sa-
haja).

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan-penerangan
yang lanjut bolehlah diper-
olehi dari Perkhidmatan-Per-
khidmatan Bangunan di Jaba-
tan Perkhidmatan-Perkhidmat-
an Elektrik.

BIL. : PPL/MTB/340/1987

Tajuk kerja : PEMELI-
HARAAN LOJI-LOJI
HAWA DINGIN DI
KEDIAMAN RASMI
YTM PENGIRAN
BABU RAJA PENGI-
RAN ANAK HAJJAH
BESAR SERI ALAM,
JALAN TUTONG, NE-
GARA BRUNEI DA-
RUSSALAM UNTUK
SELAMA 2 TAHUN.
Cengkeram : \$200.00.

Tarikh tutup : 11 Novem-
ber (hari Rabu) jam 12.00
tengah hari.

Tempat tutup : Peti Ta-
waran, Kementerian Pem-
bangunan.

Kelayakan pemborong : Kel-
as : "A" atau "B" (Hawa
Dingin sahaja).

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan-penerangan
yang lanjut bolehlah diper-
olehi dari Perkhidmatan-Per-
khidmatan Bangunan di Jaba-
tan Perkhidmatan-Perkhidmat-
an Elektrik.

BIL. : PPL/MTB/379/1987

TAWARAN-tawaran akan di-
terima oleh Pengerusi Lem-
baga Tawaran Kecil, yang
beralamat Kementerian Pem-
bangunan Tingkat Satu,
Bangunan Kementerian Pem-
bangunan, Jalan Lapangan
Terbang Lama, Berakas, Ban-
dar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY AND
DELIVERY OF
STREET LIGHTING
CUTOOTS.

Tarikh tutup : 18 Novem-
ber, 1987.

Cagaran : \$200.00.

Dokumen-dokumen dan pe-
nerangan-penerangan yang
lanjut bolehlah diperolehi
dari Jabatan Perkhidmatan-
Perkhidmatan Elektrik, La-
pangan Terbang Lama, Jalan
Berakas, Negara Brunei
Darussalam.

BIL. : PPL/MTB/380/1987

TAWARAN-tawaran akan di-
terima oleh Pengerusi Lem-
baga Tawaran Kecil, yang
beralamat Kementerian Pem-
bangunan Tingkat Satu,
Bangunan Kementerian Pem-
bangunan, Jalan Lapangan
Terbang Lama, Berakas, Ban-
dar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY AND
DELIVERY OF
PHOTOCELL CONT-
ROL UNITS.

Tarikh tutup : 18 Novem-
ber, 1987.

Cagaran : \$200.00.

Dokumen-dokumen dan pe-
nerangan-penerangan yang
lanjut bolehlah diperolehi dari
Jabatan Perkhidmatan-Per-
khidmatan Elektrik, Lapangan
Terbang Lama, Jalan Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

BIL. : PPL/MTB/381/1987

TAWARAN-tawaran akan di-
terima oleh Pengerusi Lem-
baga Tawaran Kecil, yang
beralamat Kementerian Pem-
bangunan, Tingkat Satu,
Bangunan Kementerian Pem-
bangunan, Jalan Lapangan
Terbang Lama, Berakas, Ban-
dar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY AND
DELIVERY OF
SAFETY HATS.

Tarikh tutup : 18 Novem-
ber, 1987.

Cagaran : \$100.00.

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan-penerangan
yang lanjut bolehlah dilihat
dan diperolehi dari Jabatan
Perkhidmatan - Perkhidmatan
Elektrik, di Lapangan Ter-
bang Lama, Berakas, Negara
Brunei Darussalam.

BIL. : PPL/MTB/382/1987

Tajuk kerja : PEMASA-
NGAN ELEKTRIK BA-
GI PEMBINAAN 1
BLOK 4 UNIT KELAS
C FLAT DAN 1 BLOK
12 UNIT STANDARD
BARIK UNTUK PU-
SAT PENYELIDIKAN
PERHUTANAN SU-
NGAI LIANG, NEGARA
BRUNEI DARUS-
SALAM.

Cengkeram : \$200.00.

Tarikh tutup : 11 Novem-
ber, 1987 (hari Rabu) jam
12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Ta-
waran Kecil, Kementerian
Pembangunan.

Kelayakan pemborong : Kel-
as : "A", "B" atau "C"
(Internal Wiring)

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan-penerangan
yang lanjut bolehlah diper-
olehi dari Perkhidmatan-Per-
khidmatan Bangunan di Jaba-
tan Perkhidmatan-Perkhidmat-
an Elektrik.

BIL. : PPL/MTB/383/1987

Tajuk kerja : PENDAWAI-
AN BARU DAN MENG-
GANTI ALAT-ALAT
ELEKTRIK BAGI BA-
NGUNAN R.T.B. DAN
FLAT POLIS ANDU-
LAU, SUNGAI LIANG,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.

Cengkeram : \$200.00.

Tarikh tutup : 11 Novem-
ber, 1987 (hari Rabu) jam
12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Ta-
waran Kecil, Kementerian
Pembangunan.

Kelayakan pemborong : Kel-
as "A", "B" atau "C" (Internal
Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan-penerangan
yang lanjut bolehlah diper-
olehi dari Perkhidmatan-Per-
khidmatan Bangunan di Jaba-
tan Perkhidmatan-Perkhidmat-
an Elektrik.

BIL. : PPL/MTB/384/1987

Tajuk kerja : PEMASANG-
AN ELEKTRIK BAGI
PEMBINAAN TAMBA-
HAN 12 BILIK DAR-
JAH BAGI SEKOLAH
RENDAH MOHAM-
MAD ALAM SERIA,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.

Cengkeram : \$200.00.

Tarikh tutup : 11 Novem-
ber, 1987 (hari Rabu) jam
12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Ta-
waran Kecil, Kementerian
Pembangunan.

Kelayakan pemborong : Kel-
as "A" atau "B" (Internal
Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan-penerangan
yang lanjut bolehlah diper-
olehi dari Perkhidmatan-Per-
khidmatan Bangunan di Jaba-
tan Perkhidmatan-Perkhidmat-
an Elektrik.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan Kerajaan, Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMBANTU PEGAWAI KEBAJIKAN PERUBATAN :

Bilangan Kod : 062 07 — 638).

(Di Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan).

Tanggagaji : M. 4-5 EB. 6 — \$930-\$1850 sebulan.

Kelayakan :

- i) 2 mata pelajaran di Peringkat Lanjutan, Sijil Am Pelajaran serta 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja kebajikan.
- ATAU
- ii) 4 mata pelajaran di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja kebajikan.
- Mestilah boleh memandu kenderaan.
- Mahir bertutur Bahasa Melayu dan Inggeris adalah mustahak.
- Pengalaman dalam kerja kebajikan sukarela merupakan satu kelebihan.
- Minat dalam kerja-kerja kebajikan adalah perlu.

Tugas-tugas dan Tanggung-jawab :

- Membantu Pegawai Kebajikan Perubatan untuk menilai dan merancang Pengajaran Sosial bagi pesakit yang mengalami masalah sosial.
 - Membantu pesakit dan keluarga mereka kembali menyesuaikan diri dalam masyarakat.
 - Membantu pentadbiran am Unit Kerja Kebajikan Perubatan.
2. JURUMESIN TINGKAT KHAS :
- (Bilangan Kod : 009 84 — 375).
- (Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri).

Tanggagaji : D. 2 EB. 3 — \$650-\$1125 sebulan.

Kelayakan :

- i) City & Guilds dalam jurusan Kejuruteraan Automatif / 'Motor Mechanics' atau kelulusan yang sebanding.
- ATAU
- ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Mekanik atau jawatan yang berkaitan tidak kurang dari 5 tahun.
- Berpengalaman bekerja dalam membaiki dan memelihara semua jenis kenderaan.
- Mempunyai lesen memandu yang sah Kelas 3 dan 5 adalah satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggung-jawab :

Bertanggungjawab kepada Jurutera Mekanik dan Perkhidmatan Perkhidmatan Umum RTB atau lain-lain pegawai yang ditugaskan untuk menjalankan kerja-kerja memeriksa kenderaan RTB, rawatan tetap, kerja-kerja membaiki serta mengawasi satu pasukan kecil mekanik.

3. GEMBALA KUDA :

(Bilangan Kod : 059 62 — 972).

(Di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan).

Tanggagaji : E. 2-3 EB. 4 — \$590-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau kelulusan yang sebanding dan mempunyai minat dalam kerja-kerja pengembalaan kuda.
 - ATAU
 - ii) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan di (a) (i) di atas tetapi mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama 5 tahun sebagai Gembala Kuda boleh juga dipertimbangkan.
 - Hendaklah berumur di antara 18 hingga 40 tahun.
4. TRADESMAN (TUKANG LETRIK) :
- (Bilangan Kod : 059 85 — 515).
- (Di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan).

Tanggagaji : E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- Tamat mengikuti kursus Jurutrik yang diakui di sesebuah Sekolah Pertukangan.
 - Berpengalaman menyelenggara dan membaiki alat-alat elektrik yang lain.
5. PEMBERSIH :
- (Bilangan Kod : 081 55 — 293).
- (Di Jabatan Jerudong Park).
- Tanggagaji : F. 1-2-3 EB. 4 — \$445-\$650 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 20 hingga 45 tahun dan tahu menulis dan membaca.
 - Berbadan sihat dan telah mempunyai pengalaman sebagai Pembersih/Buruh.
 - Tinggal di kawasan yang berdekatan merupakan satu kelebihan.
- Am :
- Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
- Peringatan :
- Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan

bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya

Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 7 Disember, 1987.

(Bilangan Pendaftaran : 112/1987).

(E/699/86).

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PELABUHAN-PELABUHAN

BILANGAN : 5/1987

TAWARAN adalah dipelawa dari pembekal-pembekal untuk membekalkan satu unit JENTERA ANGKAT SUN-SUN KONTINA, 15 TAN mempunyai TELESCOPIC SPREADER daya muatan 7,000 Kilogram, Jentera yang ditawarkan hendaklah dengan harga CIF Muara, termasuk cukai (Import duty).

Supply CIF Muara inclusive of import duty one unit CONTAINER FORKLIFT, 15 TONNES capacity with TELESCOPIC SPREADER capacity of 7,000 Kilogram.

Wang cagaran sebanyak \$100.00 hendaklah dibayar kepada Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Negara Brunei Darussalam.

Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan di dalam

sampul surat yang biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah bertutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul tersebut hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran dan tarikh tutup. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat 1, Bangunan SUK Lama, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 3.00 petang, hari Rabu, 11 November, 1987.

Keterangan lanjut mengenai jentera tersebut boleh didapati di Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Muara.

Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang rendah/murah atau sebarang tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Tawaran : 25/1987

PEMBEKAL-pembekal adalah dipelawa menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwul Ugama, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan, tidak lewat pada hari Rabu 11 November, 1987, jam 3.00 petang mengenai perkara di atas.

Tawaran-tawaran hendaklah dikirimkan dalam sampul surat tertutup dan ditulis dengan perkataan "MEMBEKAL BUKU-BUKU SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA" tanpa membubuh atau menyatakan identiti pembekal dan masukkan ke dalam peti tawaran Kementerian Hal Ehwul Ugama, Tingkat 1, Kementerian Hal Ehwul Ugama, Bandar Seri Begawan 1180, Negara Brunei Darussalam.

Pembekal-pembekal adalah dikehendaki menyatakan harga dan tempoh pembekalan dari tarikh mulai menerima surat atau pesanan rasmi dari Kementerian Hal Ehwul Ugama.

Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.

Penerangan - penerangan lanjut mengenai ini boleh diperolehi dari Jabatan Pengajian Islam, Tingkat 2, Kementerian Hal Ehwul Ugama, Bilik No. 304 pada bila-bila masa waktu bekerja.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

KENYATAAN TAWARAN LEMBAGA BANDARAN BELAIT

TAWARAN-tawaran adalah dijemput bagi menyediakan PAKAIAN SERAGAM (UNIFORM) bagi 53 orang Perempuan dan 27 orang lelaki Atendan Luar dan 4 orang Pengawas Letak Kereta di Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait dan Seria.

Tawaran-tawaran mestilah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 16 November, 1987. Tawaran yang diterima selepas tarikh tersebut akan ditolak.

Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul-sampul surat yang bertutup. Di muka sampul itu tidak boleh dibuat tanda yang boleh mengenalkan nama Penawar.

Kerja yang ditawarkan mestilah disebutkan dengan terang di sampul surat itu dengan perkataannya mestilah "MENYEDIKAKAN PAKAIAN SERAGAM DI PEJABAT LEMBAGA BANDARAN, KUALA BELAIT DAN SERIA". Tawaran yang diterima dalam sampul surat yang tidak dialamatkan dengan betul akan ditolak.

Mengenai dengan jenis kain pakaian seragam, penawar-penawar bolehlah datang ke Pejabat Bandaran, Kuala Belait pada bila-bila masa bekerja sebelum mengemukakan tawaran.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang seabis rendah atau sebarang tawaran.

KURSUS-KURSUS DI MAKTAB TEKNIK SULTAN SAIFUL RIJAL

KEMENTERIAN Pelajaran Negara Brunei Darussalam, melalui Bahagian Pelajaran Teknik/Vokasional, Jabatan Sekolah-sekolah adalah mempelawa pemohon-pemohon yang berkecayaan yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, juga pemohon-pemohon yang terdiri dari penduduk-penduduk tetap Negara Brunei Darussalam untuk memohon kursus-kursus yang disenaraikan di bawah ini yang akan dijalankan di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara bagi sesi Januari 1988.

KURSUS CRAFT (SEPENUH MASA)

Nama Kursus	Syarat-Syarat Kemasukan	Tempoh Kursus
C&G 165 WELDING CRAFT PRACTICE	Lulus C&G 820 Basic Engineering dan sekurang-kurangnya berpengalaman bekerja dalam bidang Welding selama satu tahun atau lulus C&G 822 Welding & Fabrication	1½ tahun
C&G 385 VEHICLE BODY CRAFT STUDIES PART II	Lulus C&G 385 Vehicle Body Craft Studies Part I.	1½ tahun
C&G 594 PAINTING AND DECORATING	Sekurang-kurangnya lulus Peperiksaan BJCE. Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai kelulusan kredit dalam mata-mata pelajaran Maths, Sains dan Bahasa Inggeris atau kelulusan yang setaraf dengannya.	2½ tahun
C&G 824 RADIO, TELEVISION AND ELECTRONIC SERVICING	— do —	1½ tahun
BASIC AIRCRAFT ENGINEERING PART I	— do —	2 tahun
BTEC NATIONAL CERTIFICATE IN SCIENCE	Sekurang-kurangnya tamat Tingkatan 5 dan mempunyai 2 mata pelajaran Peringkat 'O' atau kelulusan kredit dalam City and Guilds 755 Science Laboratory Assistant. Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan dalam mata pelajaran Maths, Sains dan Bahasa Inggeris.	2½ tahun
BTEC NATIONAL CERTIFICATE IN ELECTRONIC ENGINEERING	Sekurang-kurangnya tamat Tingkatan 5 dan mempunyai 2 mata pelajaran Peringkat 'O' atau yang setaraf dengannya. Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang boleh menguasai Bahasa Inggeris dengan baik.	2½ tahun
BTEC NATIONAL CERTIFICATE IN ENGINEERING (ELECTRONICS AND COMMUNICATION)	Sekurang-kurangnya tamat Tingkatan 5 dan mempunyai 4 mata pelajaran Peringkat 'O' termasuk Maths, Sains dan Bahasa Inggeris atau yang setaraf dengannya.	2½ tahun

PERHATIAN : —

- Pemohon-pemohon yang sudah bekerja sama ada dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mendapatkan kebenaran dari pihak berkenaan dan borang permohonan mestilah dihadapkan melalui Ketua Jabatan masing-masing. Sebarang permohonan yang tidak melalui pihak-pihak tertentu tidak akan dilayan.
- Borang-borang permohonan dan keterangan lanjut bolehlah didapati dari :—

Pendaftaran,
Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal,
Simpang 125, Jalan Muara,
Brunei 3680,
Negara Brunei Darussalam.

- Tarikh tutup penerimaan 14 November, 1987.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan di hantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperoleh dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR 380 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD519/4401

KERJA-KERJA MENIMBUK, MEMADATKAN TANAH DAN MEMBINA PEMBENTUNG BAGI PEJABAT KECIL PEMELIHARAAN JALAN RAYA DI JALAN GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 November, 1987.

Tarikh tutup: 9 November, 1987.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 381 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD521/0101

PEMBINAAN MASJID DI KAMPONG LAYONG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 November, 1987.

Tarikh tutup: 9 November, 1987.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 382 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD514/0701

PEMBINAAN SATU BLOK RUMAH PANGSA KELAS 'E' DAN SATU BLOK RUMAH PANGSA KELAS 'C' BAGI SEKOLAH MENENGAH LAMBAK KANAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 November, 1987.

Tarikh tutup: 11 November, 1987.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 383 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: 86AB/PTN029

KERJA-KERJA MEMPERBAIKI SISTEM PARIT DAN TALIAIR DI RANCANGAN PADI KERAJAAN DI WASAN, PERINGKAT III, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 November, 1987.

Tarikh tutup: 25 November, 1987.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 384 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/0009127

MEMBEKAL DAN MEMASANG ATAP KLIPLOK DAN KERJA-KERJA LAIN YANG BERSANGKUTAN BAGI PEJABAT KURIKULUM JALAN DATO HAJI BASIR, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 November, 1987.

Tarikh tutup: 11 November, 1987.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 385 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/0009118

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BAHAGIAN LUAR BARIK TELEKOM, PERPINDAHAN JALAN BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 November, 1987.

Tarikh tutup: 11 November, 1987.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 386 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD429/0101

KERJA-KERJA PEMASANGAN HAWA DINGIN DAN M & E RAMPANIAN UNTUK BANGUNAN KAJICUACA YANG BARU DAN STOR HYDROGEN BAGI PEMBESARAN KEMUDAHAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 November, 1987.

Tarikh tutup: 18 November, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 387 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD509/0801

KERJA-KERJA PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN RUMAH JAGA, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 November, 1987.

Tarikh tutup: 18 November, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 388 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Sub (Sub-Contractors) Kolam Renang yang mahir untuk:

PROJEK No.: AD419/3301

SUB KONTRAK ALAT-ALAT KELENGKAPAN KOLAM RENANG BAGI MESS KAKITANGAN KERAJAAN DI PADANG PERMAINAN GOLF PANTAI MENTIRI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 November, 1987.

Tarikh tutup: 11 November, 1987.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 389 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR507/221706

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU PECAH KE JALAN-JALAN DAERAH YANG SEDIA ADA DI JALAN PAK BIDANG, JALAN MERIMBUN/LONG MAYAN, JALAN LONG MAYAN/BUKIT, JALAN RAMBAI/KUALA UNGAR, MUKIM UKONG/MUKIM RAMBAI, DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 November, 1987.

Tarikh tutup: 16 November, 1987.

Cagaran tawaran: \$500.00.

BIL: JKR 390 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR507/221707

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU PECAH KE JALAN-JALAN DAERAH YANG SEDIA ADA DI JALAN LAYONG/SIMPANG 4 PANCHONG JALAN TANJONG DANGAR, JALAN PANCHONG/KUALA UNGAR, JALAN RAMBAI/REST HOUSE, JALAN KUALA UNGAR/BENU-

TAN/KERANCHING, JALAN KAWASAN PERKUBURAN KAMPONG BINTUDOH, MUKIM LAMUNIN/MUKIM RAMBAI, DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 November, 1987.

Tarikh tutup: 16 November, 1987.

Cagaran tawaran: \$500.00.

BIL: JKR 391 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR507/221708

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU PECAH KE JALAN-JALAN DAERAH YANG SEDIA ADA DI JALAN SIMPANG TIGA SENGKARAI, JALAN SENGKARAI, JALAN PENGASING/PANTAI SERI KENANGAN, JALAN PENABAI, JALAN PENANJONG (BACK OF SEKOLAH RENDAH PENANJONG), MUKIM PEKAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 November, 1987.

Tarikh tutup: 16 November, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 392 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR507/221803

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU KE JALAN SUNGAI AKAR (JALAN DAERAH), NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 November, 1987.

Tarikh tutup: 16 November, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00.

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Syarat-syarat Tawaran

BIL: MINDEF/DFP/MTB/153/1987

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Bolkiah Garison 2049, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 24 November, 1987.

MEMBEKAL:
TRAILER 4 TON GS

BIL: MINDEF/DFP/MTB/154/1987

MEMBEKAL:
MOTOR CYCLE
ROUGH TERRAIN

BIL: MINDEF/DFP/MTB/155/1987

MEMBEKAL:
LIFTING SLING
(POLYESTER FIBER)

BIL: MINDEF/DFP/MTB/156/1987

MEMBEKAL:
MOVITEX DELUXE,
NUMBERING 0 - 9 &
LETTERING A - Z

BIL: MINDEF/DFP/MTB/157/1987

MEMBEKAL:
"TATEYAMA" SHOP
DISPLAY UNITS FOR
FAMILIES SHOP AT
TUTONG CAMP

BIL: MINDEF/DFP/MTB/158/1987

MEMBEKAL:
FIBRE GLASS NAVY
BOARD

BIL: MINDEF/DFP/MTB/159/1987

MEMBEKAL:
LOCK UNION

BIL: MINDEF/DFP/MTB/160/1987

MEMBEKAL:
LAND ROVER SPARES

BIL: MINDEF/DFP/MTB/161/1987

MEMBEKAL:
JERRICAN WATER
PLASTIC 4 1/2 GALLON.

BIL: MINDEF/DFP/MTB/152/1987

MEMBEKAL:
LETTERING SYSTEM 3M

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Di Dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

- 1) **PEMBANTU TEKNIK :** (Bilangan Kod : 072 03-393)
(Di Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perdana Menteri)
Tanggungjawab : D.1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- Mempunyai salah satu dari kelulusan dalam bidang teknikal yang bersesuaian seperti berikut :
 - TEC Diploma
 - Ordinary National Diploma
 - TEC Certificate
 - Ordinary National Certificate
 - City and Guilds Technician Certificate Part I and Part II (T3).
- i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pelatih Pembantu Teknik dalam bidang teknikal yang bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.
- ii) Telah ditetapkan di dalam jawatan.
- iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian V dalam jawatan bidang teknikal yang bersesuaian tidak kurang dari lima tahun.
- iv) Telah ditetapkan di dalam jawatan.
- v) Mempunyai laporan prestasi kerja yang memuaskan.
- Umur di antara 18 hingga 30 tahun.

- 2) **KERANI/PENJALAN DDE :**

(Bilangan Kod : 012 34-231)

(Di Jabatan Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan)

Tanggungjawab : D.1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- Satu mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa.
 - Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan tiga tahun pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan.
 - Sedang berkhidmat dalam kerja-kerja memasukkan perangkaan bagi kegunaan komputer melalui DDE.
 - Mempunyai kecenderungan kepada angka-angka.
 - Fasih dalam bahasa Melayu.
- Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**
Untuk memeriksa dan memasukkan kod-kod yang sesuai bagi data input dan memasukkan data melalui mesin DDE.

- 3) **KERANI KODING :** (Bilangan Kod : 012 39-930)
(Di Jabatan Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan)

Tanggungjawab : D.1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- Satu mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa.
- Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan tiga tahun pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan.
- Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja komputer atau perangkaan iaitu memproses data-data statistik bagi kegunaan komputer.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Untuk memeriksa dan mengkod dokumen-dokumen tertentu untuk memasukkan data-data di dalam komputer.

- 4) **KERANI PENGAWALAN :**

(Bilangan Kod : 097 39-390)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Kementerian Kewangan)

Tanggungjawab : D.1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- Satu mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa.
- Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan tiga tahun pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan.
- Cenderung dalam penyediaan kerja.
- Boleh bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Mendaftar semua dokumen-dokumen yang keluar masuk serta menubungi pihak-pihak yang berkenaan mengenai dengan dokumen yang perlu diambil atau dibetulkan.

- 5) **PENOLONG SUSUNAN RANCANGAN :**

(Bilangan Kod : 009 39-390)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggungjawab : D.3-4 EB. 5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta tiga tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
- Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta lima tahun pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan.
- Berkeupayaan bekerja dengan tepat dan teliti dalam suasana tegang.
- Pengalaman yang terbukti dalam kerja-kerja menyusun rancangan dan persembahan TV.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Bertanggungjawab kepada pengurusan Persembahan dan Perancangan dalam menyediakan jadual-jadual rancangan-rancangan harian dan juga menyediakan segala maklumat yang diperlukan untuk juruhebah-juruhebah yang bertugas termasuk mengatur waktu yang tepat.

- 6) **PENGAWAS KENDERAAN TINGKAT I :**

(Bilangan Kod : 002 70-089)

(Di Jabatan Adat Istiadat, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggungjawab : D.3 EB. 4 — \$900-\$1465 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur tidak lebih dari 45 tahun serta boleh menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
- i) Ordinary National Certificate atau TEC Certificate dalam jurusan Automobile atau kelulusan dan bidang berkaitan yang sebanding dengannya.
- ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam kerja yang berkaitan dengan kenderaan tidak kurang dari lapan tahun.
- City and Guilds yang bersesuaian.
- Mahir membaiki dan memelihara kenderaan.

Lain-lain Syarat :

Pemohon-pemohon yang terpilih akan diuji secara teori dan praktik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Mengawal serta bertanggungjawab bagi kerja-kerja penyelenggaraan, pemeliharaan dan membaiki kenderaan.
- Bertanggungjawab ke atas keselamatan kakitangan di bawah jagaannya, keselamatan kerja dan alat-alat mesin.

- 7) **PENYELENGGARA STOR TINGKAT II :**

(Bilangan Kod : 112 39-142)

(Di Kementerian Hal Ehwal Ugama)

Tanggungjawab : D.2-3 EB. 4 — \$650-\$1465 sebulan.

Kelayakan :

- Lulus sekurang-kurangnya empat mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya.
- Penyelenggara Stor Tingkat III yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama lima tahun dan mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.
- Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab dan dalam Penyelenggaraan Stor dan Pemeliharaan alat-alat akan diberi keutamaan.
- Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

- 8) **TRADESMAN TINGKAT I :**

(Bilangan Kod : 024 03-955)

(Di Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

Tanggungjawab : E.1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- Lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei.
- i) Lulus sekurang-kurangnya Tingkatan II atau yang sebanding dengannya.
- ii) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam kerja-kerja sebagai Tradesman di sebuah workshop motor/mesin.
- iii) Boleh membaiki kerosakan-kerosakan ringan kenderaan termasuk enjin motor sangkut dan mesin rumput yang lazim digunakan oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Calon-calun yang berjaya akan dikehendaki bertugas membaiki kerosakan mesin-mesin rumput kenderaan dan motor sangkut termasuklah pemeliharaan dan lain-lain tugas seumpamanya.

Am :

Calon-calun yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aklan dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 16 November, 1987.

(E/487/79)

Bilangan Pendaftaran : 110/87

DI JABATAN PENJARA

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkecayaan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan di Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

1. **PEGAWAI PENJARA LELAKI**

Sukatan Gaji P6 :

\$1105 1150 1195 1240 1285
1330 1375 1420 1465 1510
1555 1600 1645 1705
1765 1825 sebulan.
Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.
Elau 'P' sebanyak \$100.00 sebulan.

Syarat Lantikan :

Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan-kelayakan seperti berikut :

- Calon-calun hendaklah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Umur tidak kurang daripada 19 tahun dan tidak lebih dari 26 tahun.

Kelayakan Akademik :

- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya dan lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran (termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu).
- Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan menguasai dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Kelayakan Fizikal :

- Tinggi tidak kurang 1.63 m (5' 4") tidak bersepatu.
- Ukuran dada sekurang-kurangnya 86cm (34") apabila tidak ditarik nafas.
- Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/6 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekup (contact lens) dan boleh membaca dekat J.1/N.5. Tidak buta warna.
- Pendengaran biasa dan tidak cacat.
- Tubuh badan yang tegap dan diakui sihat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan termasuk pemeriksaan X-Ray.

Pengalaman :

- Mempunyai pengalaman sebagai pegawai rendah penjara adalah satu keutamaan.
- Mempunyai pengalaman dan kepandaian dalam jurusan-jurusan yang lain adalah satu kelebihan.

Tempoh Percubaan :

Di antara 1 dan 3 tahun.

Latihan :

Akan menjalani latihan seperti yang ditetapkan oleh Pengarah Penjara.

Tugas-tugas :

Tertakluk kepada Akta Penjara dan Aturan-aturan Penjara, Penggal 51 dan lain-lain tugas seperti yang diarah oleh Pengarah Penjara dari semasa ke semasa.

2. WADAR LELAKI

Sukatan Gaji P1 EB2 :

\$605 615 625 635 650 660
680 695 710 725 740
755 770 780 795 810
825 840 855 870 885.
Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.
Elau 'P' sebanyak \$100.00 sebulan.

Syarat Lantikan :

Calon-calun bagi lantikan

hendaklah memiliki kelayakan-kelayakan seperti berikut :

- Calon-calun hendaklah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Umur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih dari 25 tahun.

Kelayakan Akademik :

- Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah Enam (VI) Sekolah Melayu atau darjah yang sebanding dengannya di Sekolah Inggeris. Kelulusan yang lebih tinggi adalah satu keutamaan.

Kelayakan Fizikal :

- Tinggi tidak kurang 1.57 m (5' 2") tidak bersepatu.
- Ukuran dada sekurang-kurangnya 81cm (32") apabila tidak ditarik nafas.
- Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/6 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekup (contact lens) dan boleh membaca dekat J.1/N.5. Tidak buta warna.
- Pendengaran biasa dan tidak cacat.
- Tubuh badan yang tegap dan diakui sihat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan termasuk pemeriksaan X-Ray.

Pengalaman :

- Mempunyai pengalaman dan kepandaian dalam jurusan-jurusan yang lain adalah satu kelebihan.

Tempoh Percubaan :

Di antara 6 dan 12 bulan.

Latihan :

Akan menjalani latihan seperti yang ditetapkan oleh Pengarah Penjara.

Tugas-tugas :

Tertakluk kepada Akta Penjara dan Aturan-aturan Penjara, Penggal 51 dan lain-lain tugas seperti yang diarah oleh Pengarah Penjara dari semasa ke semasa.

Cara-cara Memohon :

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatannya itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada :

Ibu Pejabat Penjara, Penjara Jerudong 2013, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

ATAU
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan 2001,

Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aklan dan siji-siji kepada :

Pengarah Penjara, Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, P. O. Box 2256, Bandar Seri Begawan 1922,

Negara Brunei Darussalam. Atau dihantar terus secara persendirian kepada :

Ibu Pejabat Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,

Negara Brunei Darussalam. Tarikh tutup : 19 Novem-

ber, 1987.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYELENGGARA STOR TINGKAT I

- a) (Di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bilangan Kod: 098 39-141)

- b) (Di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan) (Bilangan Kod: 095 39-141)

Tanggagaji: D. 4 EB. 5 — \$1225-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- a) i) TEC/BEC Diploma dalam "Purchasing and Supply" atau kelulusan dan bidang yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan.

ATAU

- ii) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Penyelenggara Stor Tingkat II tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- b) Mempunyai pengetahuan dan kebolehan dalam bidang Ilmu Simpan Kira, Perakaunan, Ilmu Hisab, Penyelenggaraan Stor atau pembelian alat-alat merupakan satu kelebihan.

2. PENYEMAK (Bilangan Kod: 056 39-940)

- (Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- a) i) Satu mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran.

ATAU

- ii) Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta 3 tahun pengalaman dalam bidang kerja yang berkaitan.
- b) Berpengalaman dalam bidang kerja-kerja percetakan dan penerbitan adalah diutamakan.
- c) Boleh menguasai 2 bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) dan dapat membaca dan menulis Jawi dengan baik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- a) Bertanggungjawab kepada Ketua Cawangan.
- b) Memastikan penyediaan buku dan lain-lain penerbitan dengan teliti dan betul.
- c) Menyemak buku-buku dan lain-lain penerbitan jabatan ini di peringkat peringat. Ini termasuklah menyemak di peringkat manuskrip, hard copy, proof galai dan di peringkat filem sebelum dicetak.
- d) Menyelaraskan gaya penerbitan DBP dalam setiap penerbitan jabatan ini.

3. PENJALAN MESIN (Bilangan Kod: 059 62-823)

- (Di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan)

Tanggagaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan:

- a) Berumur antara 20 hingga 45 tahun.
- b) Lesen memandu kelas 3 dengan rekod yang baik, dan keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai lesen memandu kelas 5.
- c) Boleh mengendalikan dan memandu jentera pengangkut (kren) sehingga 30 tan dan lain-lain peralatan jentera-jentera ringan.
- d) Boleh melakukan rawatan terhadap jentera dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil seperti menukar tayar, menukar minyak dan sebagainya.
- e) Memahami berat muatan yang selamat bagi jentera yang di dalam jagaannya dan memahami semua langkah-langkah keselamatan untuk mengangkat muatan-muatan berat.
- f) Pemohon-pemohon yang berjaya tidak mempunyai lesen memandu kelas 5 adalah dikehendaki untuk mengambil dan lulus lesen memandu kelas 5 dalam tempoh percubaan.

4. TEKNISYEN KAPAL TINGKAT II

(Bilangan Kod: 059 03-594)

- (Di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan)

Tanggagaji: E. 3 EB. 4 — \$660-\$875 sebulan.

Kelayakan:

- a) Berumur di antara 20 hingga 45 tahun.
- b) Berpengalaman bekerja sebagai Teknisyen Kapal sekurang-kurangnya 3 tahun.

5. PENYAMBAT TETAMU/OPERATOR TELEFON

- a) (Di Jabatan Kemajuan Kerjasama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bilangan Kod: 018 38-026)

- b) (Di Kementerian Undang-Undang) (Bilangan Kod: 107 39-416)

Tanggagaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan:

- a) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan serta berpengalaman sebagai Penyambut Tetamu/Operator Telefon tidak kurang dari 3 tahun.

- b) Boleh bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.
- Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**
Selain daripada menjadi Penyambut Tetamu, calon-calon yang berjaya akan juga dikehendaki membantu kerja-kerja pejabat jika diperlukan.

6. PEMANDU (Bilangan Kod: 018 98-505)

- (Di Jabatan Kemajuan Kerjasama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

Tanggagaji: F. 3-4 EB. 5 — \$550-\$700 sebulan.

Kelayakan:

- a) Berumur di antara 20 hingga 40 tahun serta boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu.
- b) Mempunyai lesen memandu kelas 3 dan 5 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 5 Disember, 1987.

Bilangan Pendaftaran: 116/1987

(E/13/79)

Pegawai Pinjaman dan Akaun

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong sebagai PE-GAWAI PINJAMAN DAN AKAUN di Jabatan Lembaga Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Kod: 012 11-018

Tanggagaji: B. 2 — \$2270-\$3760 sebulan.

atau
B. 2 EB. 3 — \$2270-\$4240 sebulan.

Kelayakan:

- a) Ijazah Sarjana Muda dalam salah satu bidang pengajian yang berkaitan seperti berikut atau yang sebanding dengannya:—

- i) Pengurusan Perakaunan (Management Accounting).
- ii) Ekonomi.
- iii) Perakaunan.
- iv) Pentadbiran Awam.
- v) Pengurusan Perniagaan.

ATAU

- b) i) Higher National Diploma (HND) dalam Pentadbiran Akaun/Pengurusan Perniagaan atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

- ii) Berpengalaman bekerja dengan kerajaan atau firma swasta dalam bidang perakaunan, pentadbiran ekonomi, kewangan dan pengurusan perniagaan tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) i) Sijil penuh Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

- ii) Berpengalaman dalam bidang perakaunan, pentadbiran ekonomi, kewangan atau pengurusan perniagaan tidak kurang dari 10 tahun.

ATAU

- d) i) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Pegawai kerajaan dalam bahagian III (sukatan gaji C.3) tidak kurang dari 5 tahun.

- ii) Peringkat lanjutan Sijil

Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

- iii) Telah ditetapkan dalam jawatan.

- vi) Berpengalaman kerja dalam bidang ekonomi atau pengurusan perniagaan.

- e) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris secara berkesinambungan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 8 Disember 1987.

(Bilangan Pendaftaran: 117/1987)

(E/242/84 (ft))

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

Syarat-syarat tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

- (a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

- (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan di hantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengesahan tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR KB 55 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK No.: 87AB/23300

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BARIK DUA TINGKAT, KUALA BELAIT (PERINGKAT I).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 November, 1987.

Tarikh tutup: 11 November 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR KB 56 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK No.: 87AB/23300

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BARIK DUA TINGKAT, KUALA BELAIT (PERINGKAT II).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 November, 1987.

Tarikh tutup: 11 November 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR KB 57 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK No.: 87AB/23300

MEMBAIKI DAN MENCAT KESEMUA BARIK RENDAH DAN BARIK DUA TINGKAT, KUALA BELAIT (PERINGKAT III).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 November, 1987.

Tarikh tutup: 25 November, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR KB 58 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK No.: 87AB/23300

MEMBAIKI DAN MENCAT KESEMUA BARIK RENDAH DAN DUA TINGKAT, KUALA BELAIT (PERINGKAT IV).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 November, 1987.

Tarikh tutup: 25 November, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00.

Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik

BIL: PPL/MTB/393/1987

PIPES.

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF PVC

Tarikh tutup: 18 November, 1987.

Cagaran: \$200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENAWAR-penawar yang berdaftar dengan Jabatan Stor dan Perbekalan Negara adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 2087 sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 23 November, 1987 bagi membekalkan perkara berikut:

TAWARAN BIL.: 75/1987

1. Hydrated Lime — CA(OH)₂ 2 Packed in 25 Kilos 3 Ply High Performance, Paper Bags — 2,300 M/Ton. (92,000 Bags)

TAWARAN BIL.: 76/1987

- MESIN RUMPUT JENIS 'MASTER' MODEL M184 3.5HP.

1. Pt. No. 395489 Armature Magneto — 400 Nos.

TAWARAN BIL.: 77/1987

- GALVANISED IRON PLAIN SHEET TO JIS G3302 ZINC COATING Z18 & Z27

1. Zinc Sheet, Flat (Zinc Coating Z18) Size: 3' x 8' x 0.30mm. — 800 Shts.
2. Zinc Sheet, Flat (Zinc Coating Z18) Size: 4' x 8' x 0.40mm. — 600 Shts.
3. Zinc Sheet, Flat (Zinc Coating Z27) Size: 4' x 8' x 16G (1.50mm) — 300 Shts.

TAWARAN BIL.: 78/1987

1. Dust Bin, Plastic with Lid. Size: 48cm x 36cm x 27cm Handle to be fitted at source — 500 Nos.

TAWARAN BIL.: 79/1987

1. TRTL — 165 SR 13 "Yokohama" Tyre — 100 Nos.
2. TRTL — 175/70 HR 12 — 100 Nos.

TAWARAN BIL.: 80/1987

1. Detergent, Dishwashing Liquid, Pack in Plastic Container of 750 ml. "TEEPOL" or Equivalent — 30,000 Btl.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan 2010 semasa waktu bekerja.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA

PENAWAR-penawar yang berdaftar dengan Jabatan Stor dan Perbekalan Negara adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130 sehingga 12.00 tengah hari hari Isnin 30 November, 1987 bagi membekalkan perkara berikut:

1. TAWARAN BIL.: 81/1987

- MENGADAKAN KENDERAAN (TRAK-TRAK DAN BURUH) BAGI MEMUNGGAH DAN MENGANGKUT BARANG-BARANG KEPUNYAAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA BAGI TAHUN 1988.

Cagaran tawaran: \$1,000.00.

2. TAWARAN BIL.: 82/1987

- MARINE CARGO INSURANCE UNTUK PENGHANTARAN BERAS KERAJAAN DARI BANGKOK KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1988.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan 2010 semasa waktu bekerja.

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUASA WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN

No. 178/1987

BAHAWA permohonan ke-pada Mahkamah ini telah dibuat oleh Tan Beng Kin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Chin Chong Seng yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 24 November, 1987 jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan percabaran itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan ini bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 22 Oktober, 1987.

No. 235/1987

BAHAWA permohonan ke-pada Mahkamah ini akan dibuat oleh Paula Jane Murray kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh John Arthur Murray yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 24 November, 1987 jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan percabaran itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan ini bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 22 Oktober, 1987.

Di Dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMBANTU TEKNIK KANAN

(Bilangan Kod: 106 03-992)

(Di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: C.2 EB.3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan:

- a) TEC Higher Certificate dalam bidang Radio, TV and Electronics Servicing atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

- i) TEC Certificate dalam bidang Radio, TV dan Electronics Servicing atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya
- ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Teknik tidak kurang dari 5 tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- a) Berkeupayaan mengendalikan tugas-tugas yang di-pertanggungjawabkan ke atasnya tanpa bergantung kepada orang lain dan boleh dipercayai.
- b) Menjaga keselamatan alat-alat teknikal dan elektronik di bawah jagaannya.
- c) Menyediakan segala keperluan teknikal untuk setiap rancangan, latihan dan pertunjukan.
- d) Merawat ke atas alatan teknikal yang didapati rosak.

2. KETUA PEMBANTU TEKNIK

(Bilangan Kod: 004 03-991)

(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: C.3-4 EB.5 — \$1990-\$2620 sebulan.

Kelayakan:

- a) i) Higher National Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf atau kelulusan sebanding dengannya dalam bidang Kejuruteraan Pertanian dan Pengawasan Mekanik.

ATAU

- ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Teknik Kanan atau jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari 5 tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- a) Membantu dan menjalankan tugas-tugas Ketua Unit semasa ketiadaannya jika diarahkan.
- b) Mengawasi dan mengurus pelaksanaan rancangan-rancangan dan kegiatan-kegiatan bahagian seiauku Ketua Pengawas.
- c) Membuat catatan-catatan kemajuan rancangan dan menyediakan pembekalan dan keperluan tahunan bagi unitnya.
- d) Bertanggungjawab terus kepada Ketua Unit dan wakilnya dan mengawasi semua pengawas-pengawas dan pengendali-pengendali di bawah jagaannya.
- e) Memberi bimbingan atau kursus kepada pegawai-pegawai rendah jika diarahkan.

3. PENYELENGGARA STOR TINGKAT KHAS

(Bilangan Kod: 095 39-140)

(Di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan)

Tanggagaji: C.2 EB.3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan:

- a) i) TEC/BEC Higher Certificate atau kelulusan yang sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan dalam bidang-bidang berikut:
 - i. Purchasing and Supply
 - ii. Business Studies/Administration
 - iii. Managing Accounting/Accounting
 - iv. Bidang-bidang pengajian lain yang bersesuaian.

ATAU

- ii) Penyelenggara Stor Tingkat I yang mempunyai kelulusan TEC/BEC Diploma yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan.

ATAU

- iii) Penyelenggara Stor Tingkat I yang tidak mempunyai kelulusan-kelulusan seperti di (a) dan (b) di atas tetapi telah ditetapkan dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama 7 tahun dan mempunyai Laporan Prestasi kakitangan yang memuaskan.

- d) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam bidang Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab dan dalam pengurusan stor/kakitangan dan pembelian alat-alat.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Kerajaan Negara Brunei Darussalam

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aukan dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 7 Disember, 1987.

Bilangan Pendaftaran: 122/1987.

(E/2503/85)

Sebagai Jurutera

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkecualan untuk dilantik sebagai JURUTERA di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

(Bilangan Kod: 009 02 — 290)

Tanggagaji: B.2 EB.3 — \$2270-\$4240 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- a) Ijazah dalam bidang elektronik, perhubungan atau kejuruteraan elektrik atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- b) Pengalaman dalam bidang penyiaran adalah diutamakan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Bertanggungjawab terhadap Jurutera Pengawas yang diarahkan oleh Jurutera Penguasa bagi kerja-kerja pengawasan dan aspek-aspek pemeliharaan kemahiran dalam bidang Teknikal RTB.

Syarat-syarat Lantikan:

Pemohon-pemohon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar (tertakluk kepada prestasi kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah

lah genap menamatkan tempoh percubaan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aukan dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 30 November, 1987.

(Bilangan Pendaftaran: 118/1987).

(9/75/75).

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

1.0 Nama projek:

Bilangan tawaran: JKP/21/1987

TAWARAN SEMULA CADANGAN SADAIAAN PERAHU UNTUK NELAYAN DI KAMPONG PERPINDAHAN SERASA, MUARA.

2.0 Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh dilihat dan didapati dari:

Jabatan Kemajuan Perumahan,

Tingkat 3,

Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,

Kawasan Lapangan Terbang Lama,

Negara Brunei Darussalam

mulai hari Khamis 5 hingga hari Khamis 26 November, 1987.

3.0 Kelayakan pemborong: Kelas "B" yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4.0 Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (dokumen) + \$150.00 (lukisan).

5.0 Tarikh tutup: Hari Isnin 30 November, 1987, jam 12.00 tengah hari.

6.0 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada:

Pengerusi,

Lembaga Tawaran,

Tingkat 4,

Bangunan Kementerian Kewangan,

Jalan James Pearce,

Bandar Seri Begawan,

Negara Brunei Darussalam.



KURSUS BTEC



"INDUSTRIAL MEASUREMENT AND CONTROL"



KEMENTERIAN Pelajaran Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad menawarkan kursus 3 tahun BTEC "Industrial Measurement and Control" di Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait.

PROGRAM

Integrasi latihan bilik darjah dan praktikal di MKJB dan BSP.

KERJAYA DENGAN SHELL BRUNEI

Setelah menamatkan latihan dengan jayanya para lulusan akan ditempatkan bertugas di sebuah jabatan pemeliharaan sama ada di Syarikat Minyak Shell Brunei (BSP) atau Gas Cecair Asli Brunei (BLNG) untuk bekerja dengan penyelia yang berpengalaman sebagai "Instrument Mechanic". Awang akan bekerja dengan peralatan "pneumatic" dan elektronik seperti "d/p cells, Control Valves

and Quality Measuring Instruments" dan sebagainya.

Terdapat peluang-peluang untuk pemaian melalui teknisyen ke peringkat penyelia.

Peluang untuk memperolehi biasiswa ke universiti politeknik luar negeri akan terbuka kepada mereka yang membuktikan kebolehan akademik dan pelaksanaan kerja yang cemerlang.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pelatih akan menerima elaun kursus bulanan. Rawatan perubatan percuma dan kemudahan-kemudahan riadah yang baik juga disediakan. BSP boleh, atas kebijaksanaannya, menyediakan tempat kediaman dalam keadaan tertentu. Tempoh latihan akan diambil kira dalam menentukan hak cuti dan faedah-faedah perkhidmatan.

Pelatih yang diterima bekerja selepas menamatkan latihan dengan jayanya akan diikatjamin untuk berkhidmat dengan syarikat-syarikat di dalam Syarikat Brunei Shell bagi tempoh tiga tahun.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Negara Brunei Darussalam
- Berumur di bawah 23 tahun pada 1 Januari, 1988
- Lulus Tingkatan V dengan mendapat sekurang-kurangnya dua mata pelajaran sama ada Matematik atau Sains dan Bahasa Inggeris.
- Berminat mengikuti kerjaya dalam industri minyak dan gas.

CARA MEMOHON

Borang-borang permohonan boleh didapati di pusat-pusat berikut :

1. Kementerian Pelajaran.
2. Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah
3. Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad.

Tarikh tutup penerimaan permohonan ialah 10 November, 1987.

PERKEMBANGAN B-SEPAK SEMAKIN MENINGKAT



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN

Bola sepak tujuh sepasukan bawah umur 16 tahun

PERSATUAN Perkasa Kampong Saba akan menganjurkan kejohanan bola sepak 7 sepasukan bagi umur 16 tahun ke bawah bagi penduduk-penduduk Kampong Mukim Saba yang dilahirkan pada tahun 1972 ke atas.

Keterangan lanjut dan borang-borang penyertaan bagi memasuki kejohanan ini boleh didapati daripada Haji Majid bin Haji Maksin di Kampong Saba Darat "A" dan Jainuddin Haji Ahmad di Kampong Saba Tengah.

Kesemua penyertaan dikenakan bayaran sebanyak \$20.00 bagi sebuah pasukan dan semua penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat pada 13 November depan.

Kejohanan rentas desa sekolah-sekolah rendah

KEJOHANAN rentas desa antara sekolah-sekolah rendah bahagian daerah-daerah anjuran Jabatan Sekolah-Sekolah bahagian Unit Kegiatan Luar akan diadakan di beberapa cawangan seperti berikut:

iaitu di Sekolah Rendah Lubok Pulau bagi Daerah Tutong yang akan bermula pada jam 8.00 pagi dan di Sekolah Rendah Labi bagi Daerah Belait jam 1.30 petang, manakala di Daerah Brunei dan Muara akan berlangsung di Sekolah Rendah Kiarong pada 22 November pada jam 1.30 petang.

Daerah Temburong akan berlangsung di Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi pada 8 November pada jam 8.00 pagi. Pada 15 November pula akan diadakan di dua tempat yang berasingan

Pihak penganjur memberitahu kejohanan itu merupakan projek tahunan.

PENYERTAAN yang semakin meningkat di setiap tahun dalam kejohanan bola sepak Piala Pengiran Digadong menandakan mutu dan perkembangan bola sepak di negara ini semakin meningkat dan diminati ramai.

Perkembangan ini terbukti apabila sejumlah 45 buah pasukan daripada seluruh negara menyertai kejohanan kali ini berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu seramai 33 buah pasukan manakala dalam kejohanan kali pertama pula disertai oleh kira-kira 26 buah pasukan.

Mengulas mengenai dengan perkembangan itu, Pengerusi Jawatankuasa Kejohanan Bola Sepak Piala Pengiran Digadong, Pg. Hj. Ibrahim berasa yakin bahawa mutu permainan bola sepak akan sentiasa meningkat.

Berucap dalam ucapan alu-aluan, dalam buku rancangan pertandingan akhir kejohanan bola sepak Piala Pengiran Digadong menjelaskan matlamat kejohanan itu antara lain bertujuan untuk meningkatkan mutu permainan bola sepak negara selain daripada mencungkil bakat-bakat baru sebagai projek jangka panjang.

"Jika usaha yang berpatutan ini berhasil, insya Allah mereka ini akan diserapkan menjadi pemain-pemain kebangsaan atau menjadi pelapis pemain kebangsaan," jelasnya.

Kejohanan kali ketiga bagi pemain-pemain berumur 18 tahun kebawah anjuran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dan Persatuan Bola Sepak Amat Brunei (BAFA), ini mengketengahkan sejumlah 900 orang pemain remaja daripada 45 buah pasukan dari seluruh negara.

"Dengan jumlah ini," katanya, "kita nampak minat para belia dalam sukan bola sepak bertambah dari setahun ke setahun. Kita yakin peningkatan mutu permainan bola sepak diperolehi dengan adanya persefahaman di kalangan semua pihak."



KEJAR DIA... Sabina melancarkan serangan ke kubu Seri Bolkiah Pertama dalam usaha untuk menjaringkan gol. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

Kemuncak Piala Pg. Digadong

SERI Bolkiah Satu dan Sabina F.C. telah di 'mahkotakan' sebagai juara bersama Kejohanan Bola Sepak Piala Pengiran Digadong setelah kedua pasukan itu seri 1-1 dalam perlawanan akhir yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah Jumaat lepas.

Kedua pasukan itu terpaksa 'Berkongsi juara' apabila mereka gagal menambahkan jaringan itu setelah diberikan masa tambahan selama 20 minit lagi.

Inilah kali pertama pihak penganjur memberikan keputusan itu, walaupun kedua pasukan itu bersedia untuk meneruskan perlawanan penentuan itu melalui sepakan penalti.

Terdahulu sebelum itu, dalam perlawanan separuh masa pertama kedua pasukan gagal membuat sebarang jaringan. Keseluruhan corak permainan agak perlahan dan masing-masing bermain dengan berhati-hati.

Bagaimanapun, Sabina F.C. mempunyai empat peluang terbaik untuk mendahului Seri Bolkiah Satu melalui Noorazmee Razak yang mendapat dua peluang keemasan di minit ke-5 dan ke-17. Kedua-dua percubaannya itu berjaya ditepis keluar oleh Penjaga gol Seri Bolkiah Satu, Ak. Haji Bahrin bin Pg. Haji Omar.

Selepas itu, dua percubaan lagi nyaris-nyaris 'membolosi' pintu gol Seri Bolkiah Satu melalui rembatan kencang Khalid Tusin di minit ke-21 dan sekali lagi di minit ke-35 melalui Noorazmee Razak, setelah mendapat umpanan lontang dari sebelah kanan.

Sementara itu Seri Bolkiah Satu memperolehi dua peluang terbaik untuk mencetak gol' melalui Zaiduddin Hj. Bakar di minit ke-8 dan sekali lagi melalui Ghafar Bakar di minit ke-30,

Kedua-dua pasukan diisytihar juara bersama

apabila kedua pemain itu berjaya 'menewaskan' defender Sabina, Hj. Dahlan Dahari dan Nordin Bakar, tetapi gagal menewaskan penjaga gol Zainal.

Kemudian dalam perlawanan separuh masa kedua, rentak kedua pasukan menjadi 'seimbang' dengan sering berbalas-balas serangan dan sekali sekala menegangkan suasana apabila pergolotan berlaku di depan pintu gol menjadikan, kedua-dua penyokong pasukan berkeadaan 'gawat'.

Bagaimanapun, Seri Bolkiah Satu akhirnya berjaya memecahkan kebuntuan apabila mereka berjaya mendahului Sabina F.C. 1-0 di minit ke-64 oleh Metussin Hj. Ibrahim yang hanya menolak bola masuk ke pintu gol setelah penjaga gol Zainal dengan tidak sengaja melepaskan bola dari tangkapannya disebabkan keadaan padang yang licin.

Belum pun reda kegem-biraan penyokong-penyokong Seri Bolkiah Satu meraikan jaringan sulung itu, Sabina F.C. bertindak cemerlang menyamakan kedudukan 1-1 dua minit selepas Seri Bolkiah Satu menjaringkan gol.

Jaringan penyamaan itu berpunca daripada sepakan bebas yang dilakukan oleh Jamil Hj. Ahmad yang menempati ke arah penjaga gol Seri Bolkiah Satu, tetapi kemudiannya melencong dan terus masuk ke dalam gawang yang menjadikan kedudukan seri 1-1 hingga ke wisel penamat dibunyikan.



BERKONGSI juara.... Pemain-pemain Seri Bolkiah Pertama dan Sabina menjulang Piala Pengiran Digadong sebaik-baik saja mereka diumumkan sebagai 'juara bersama'. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

AMALKAN SIKAP MUZAKARAH

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Pegawai-pegawai dan kakitangan dalam jabatan-jabatan kerajaan diingatkan untuk sentiasa bermuzakarah dan bertukar-tukar fikiran di antara satu dengan lain dalam usaha untuk mengatasi sebarang masalah yang dihadapi.

Demikian ditegaskan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa ketika merasmikan pertandingan akhir peraduan Kumpulan Pekerja Cemerlang (KPC) di Dewan Raya RTB pada 1 November lepas.

Yang Berhormat berkata semangat team work adalah penting untuk diwujudkan, kerana dengan cara demikian, ianya akan dapat melahirkan satu suasana bekerja yang sihat, dan akan menggalakkan pegawai-pegawai dan kakitangan untuk bersama memikul tanggungjawab pentadbiran yang dibebankan kepada jabatan-jabatan berkenaan.

Dengan cara itu, tegas Yang Berhormat, akan dapat menolong membuat keputusan-keputusan pentadbiran dengan segera, di samping dapat membuat penilaian ke atas sesuatu masalah secara tepat dan betul.

Bagaimanapun, tambah Yang Berhormat, proses pentadbiran bukanlah satu perkara yang statik, tetapi ianya adalah dinamik yang sentiasa berubah-ubah dan berkembang mengikut peredaran masa dan perkembangan pentadbiran dari masa ke semasa.

"Hendaknyalah pegawai-pegawai dan kakitangan sentiasa berusaha untuk meningkatkan prestasi kerja mereka dan mempelajari kaedah-kaedah dan teknik pentadbiran yang baru dan moden," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga mengingatkan, supaya kita semua akan dapat menyelaraskan setiap pemikiran baru itu dengan kehendak-kehendak sosial dan pemikiran semasa, iaitu selaras dengan adat resam dan pemikiran orang kita pada masa ini, dan usaha kita untuk memperbaharui sistem pentadbiran yang ada.

Yang Berhormat percaya, setiap perubahan yang diperkenalkan akan dapat diterima dengan baik oleh orang ramai, dan juga akan dapat menghasilkan apa yang dikehendaki dalam memberikan khidmat yang berkesan kepada orang ramai.

Oleh Dk. Fatimah PHMN

Melalui peraduan itu Yang Berhormat juga percaya ianya memberikan peluang pendedahan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dalam membiasakan diri mereka membuat pekerjaan dengan cara kolektif.

"Di samping memberikan komitmen yang menyeluruh kepada setiap tugas yang diberikan kepada mereka akan memahami bahawa setiap tugas yang diberikan itu bukanlah semata-mata ditumpukan kepada seorang pegawai tertentu tetapi ianya melibatkan semua pegawai dan kakitangan di dalam jabatan-jabatan kerajaan," ujar Yang Berhormat.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa menyampaikan hadiah kepada kumpulan JUSTIKA yang memenangi peraduan Kumpulan Pekerja Cemerlang Pejabat Perjawatan — Gambar oleh Harun Rashid.

Gambaran menakutkan harus dihapuskan

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar

MUARA. — Anggapan umum mengenai sesebuah pusat pemulihan seringkali dikaitkan dengan gambaran-gambaran yang menakutkan dan tidak baik haruslah dihapuskan.

Gambaran dan anggapan seperti itu menyebabkan timbulnya sikap negatif di kalangan keluarga yang mempunyai anak-anak yang harus menjalani proses pemulihan dan rawatan di sesebuah pusat pemulihan.

Perkara ini telah ditegaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka

Haji Awang Hussein di majlis kesyukuran sempena perasmian Pusat Pemulihan Dadah Al-Islah, Jalan Pelumpang di sini pada 2 November lepas.

Yang Berhormat menjelaskan peranan sesebuah pusat pemulihan itu adalah merupakan sebuah pusat untuk menolong memperbaiki mereka yang terjerumus dalam penyalahgunaan dadah menjadi orang-orang yang baik bagi membolehkan mereka kembali ke pangkuan masyarakat sebagai salah seorang anggota masyarakat yang berguna dan bertanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara.

"Ini akan hanya dapat terhapus setelah tabiat memakan dan mengambil dadah ini terhapus dari tubuh badan mereka, iaitu dengan cara menjalani proses pemulihan dan rawatan di pusat ini," ujar Yang Berhormat.

Di samping itu Yang Berhormat juga menyeru semua lapisan masyarakat di negara ini, terutamanya para ibu bapa supaya akan dapat sama-sama berganding bahu dengan pihak kerajaan dalam usaha untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang sihat, harmoni, cergas dan

berdisiplin, agar gejala-gejala yang buruk dan merbahaya seperti penyalahgunaan najis dadah dapat dihapuskan.

Ibu bapa, jelas Yang Berhormat, haruslah sentiasa peka dengan kelainan-kelainan dan perubahan-perubahan yang ada pada diri anak-anak mereka, dan sentiasa bertanya dan berbincang dengan anak-anak.

Maka dengan adanya sikap pemedulian seperti ini, tambah Yang Berhormat, sudah

setentunya akan dapat menguntungkan kedua belah pihak terutama para ibu bapa dan anak-anak mereka, yang mana dengan itu keharmonian, kesejahteraan dan kebahagiaan rumahtangga akan dapat diwujudkan.

Pusat Pemulihan Dadah Sementara, Rumah Al-Islah yang dijangka boleh menampung kira-kira 70 orang penagih najis dadah ini mula berkuatkuasa pada 1 November 1987 yang dihasratkan untuk memperbaiki mereka yang terlibat dalam gejala penyalahgunaan najis dadah.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussein mendengar penjelasan dari Ketua Pegawai Pemulihan Dadah, Dayang Mordiah Haji Jackia berkenaan dengan bilik rawatan khas bagi penagih dadah. — Gambar oleh Pengiran Abu Bakar PHO.

Penuntut perlu ubah sikap

Dari muka 1

terdiri dari sektor-sektor awam mahupun swasta," jelas Yang Berhormat.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat memberitahu bahawa trend pada masa ini adalah sangat menggalakkan dalam mana agensi-agensi kerajaan dan separuh kerajaan serta pihak swasta bersedia bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dalam mengenalpasti akan keperluan-keperluan pendidikan di bidang-bidang teknikal dan juga akademik.

"Saya berharap hubungan dan kerjasama yang erat seperti ini di antara pihak-pihak pengguna lebih-lebih lagi sektor-sektor swasta dengan institusi pengajian, baik di bidang teknikal dan vokasional mahupun di bidang-bidang akademik akan dapat dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat percaya bahawa dengan adanya pertalian sedemikian maka keperluan-keperluan sektor-sektor awam dan swasta akan dapat dipenuhi oleh negara ini dan dengan itu juga tenaga-tenaga yang terlatih dan berkelulusan tidak akan menghadapi kesulitan untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai lebih-lebih lagi di sektor swasta.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran di majlis itu juga menyampaikan sijil-sijil kepada 32 orang penuntut maktab tersebut yang berjaya dalam peperiksaan City and Guilds tahun lalu.

Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah ditubuhkan 18 tahun lalu dan kini menawarkan sembilan jenis kursus dalam bidang teknikal dan vokasional. Setakat ini maktab tersebut mempunyai lebih dari 300 orang penuntut dan kira-kira 100 orang pengajar.

Bersatu ke arah keamanan dan kemajuan